



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 17

Hari Rabu

13hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan)

(Ruangan 37)

MALASIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 13hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

DASAR KEBAJIKAN NEGARA

1. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) dasar kebajikan negara; dan
- (b) sejauh manakah ianya telah dilaksanakan dan kekesanannya terhadap rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara masih lagi di peringkat penggubalan. Kini Kementerian Kebajikan Masyarakat sedang membincangkannya dengan beberapa agensi pusat Kerajaan.

Dasar ini dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 1990 apabila ia diluluskan oleh Kerajaan.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini ada kaitan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sumbangan kewangan kepada orang-orang yang benar-benar miskin dan daif dan kepada mangsa-mangsa kebakaran di akhir-akhir ini yang sangat memerlukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat amatlah kecil sekali dan amat menyedihkan. Tidakkah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menambahkan pemberian sumbangan tersebut?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan pokok. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang menyedari bahawa kadar bantuan untuk orang-orang yang memerlukan bantuan dari Kementerian ini buat masa sekarang adalah rendah sedikit, jikalau kita mengambil kira kadar inflasi dan lain-lain,

Oleh yang demikian, Kementerian saya sedang berbincang dengan pihak yang berkenaan iaitu Kementerian Kewangan untuk menaikkan kadar bantuan ini, tetapi sampai sekarang masalah ini masih belum diputuskan.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan perkataan "dasar" ini. Mengikut hemat saya, dasar ini penting sebab ia memberi haluan dan memberi kita satu rangka untuk membuat sesuatu. Jadi apakah bermakna selama ini-Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak ada dasar dan bagaimanakah Kementerian ini menjalankan kerja-kerjanya tanpa dasar? Ini saya hendak tahu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya kita memang ada dasar tetapi setakat ini kita hendak menggubal dasar ini supaya dasar ini dapat diperkemas dan juga dapat memberikan satu bayangan kepada masyarakat umum iaitu Kementerian Kebajikan Masyarakat sebenar-benarnya dapat membuat sesuatu yang dapat memberikan satu perkembangan masyarakat keseluruhannya. Sebab itu Kementerian ini bercadang untuk menggubal dasar ini supaya dasar yang baru itu dapat merangkumi aspek-aspek yang kita sekarang rasai sangat penting untuk membangunkan masyarakat kita. Sebagai contoh, kita akan memasukkan dalam dasar baru ini satu ciri sepertimana kita cadangkan iaitu untuk memper—teguhkan lagi "budaya ikram" (caring culture) atau semangat tolong-menolong dan bantu membantu dalam masyarakat supaya hubung unsur sokongan dapat diperkukuhkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

DASAR BELIA NEGARA

2. **Dato Chan Cboong Tak [dibawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauhmanakah peruntukan-peruntukan dalam Falsafah Dasar Belia Negara ini telah diterjemahkan kepada pelan bertindak dan apakah kejayaan yang tercapai dan kelemahan yang dihadapi dalam pelaksanaan pelan bertindak ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia daa Sukan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-Pertua, Falsafah Dasar Belia Negara telah diterjemahkan kepada pelan bertindak dengan melaksanakan beberapa program seperti seminar, bengkel, simposium dan konvensyen bertujuan memberi penerangan, kefahaman serta penjelasan mengenai Falsafah Dasar Belia Negara supaya Dasar tersebut dapat difahami dan dapat diamalkan sepenuhnya oleh masyarakat belia.

Melalui program-program yang dianjurkan itu, masyarakat belia telah memahami Falsafah Dasar Belia Negara dan dengan itu juga telah berjaya mengamalkan falsafah tersebut yang terkandung di dalamnya seperti mengamalkan prinsip Rukunegara, meningkatkan semangat perpaduan, mengeratkan semangat "esprit de corps", mengamalkan prinsip autonomi, meningkatkan moral yang tinggi dan mendorong memiliki tahap keilmuan dan pengetahuan yang meluas serta mendalam. Sebagai mengiktiraf kejayaan yang dicapai oleh golongan belia dalam menghayati Dasar Belia Negara tersebut, Kerajaan telah mengadakan beberapa acara penganugerahan seperti Anugerah Tertinggi Belia Negara dan Anugerah Tahunan Usahawan Muda. Anugerah-anugerah ini diberikan kepada pemimpin-pemimpin belia yang telah berjaya mengamalkan prinsip Dasar Belia Negara,

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan Dasar ini, pada masa ini Kerajaan menghadapi beberapa kelemahan seperti berikut:

- (a) kurangnya penglibatan dan kefahaman dari sektor awam dan swasta menyebabkan Dasar Belia Negara tidak dapat disebarikan secara meluas;
- (b) penerapan prinsip Dasar Belia Negara tidak mudah dilaksanakan kerana ianya lebih berbentuk kesedaran mentaliti individu belia itu sendiri dan kesedaran ini perlu datangnya dari golongan belia itu sendiri; dan
- (c) Dasar Belia Negara pada masa ini belum lagi difahami sepenuhnya oleh semua pihak sama ada sektor awam ataupun swasta.

Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan seperti yang disebutkan di atas, Kementerian Belia dan Sukan akan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk mengadakan beberapa program seperti majlis dialog, seminar dan konvensyen dan dengan adanya program-program seperti ini adalah diharapkan penerapan prinsip Dasar Belia Negara ini mendapat sambutan yang lebih meluas lagi di kalangan belia di negara ini. Bagi menentukan Dasar Belia Negara dapat dilaksanakan sepenuhnya, sokongan dan bantuan semua pihak adalah sangat diperlukan.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah menjadi satu dasar mengikut: Kerajaan jika sebuah pertubuhan belia itu tidak mengadakan Mesyuarat Agungnya di waktu yang sepatut-

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Mesyuarat Agung, tidak Mesyuarat Agung adalah mengikut peraturan-peraturan yang ada di dalam Undang-undang Pendaftaran Pertubuhan.

PEPERIKSAAN AM KEPADA GURU KUMPULAN C

3. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang mengecualikan peperiksaan am Kerajaan bagi guru-guru Kategori C2 yang ingin memasuki ke Kategori B10 atas alasan jangka masa perkhidmatan mereka melebihi 25 tahun dan mengajar di sekolah rendah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan Peperiksaan Am Kerajaan bagi guru-guru Kumpulan C yang meningkat ke Kumpulan gaji B kerana ia melibatkan dasar Peperiksaan Am Kerajaan yang dikenakan kepada pegawai-pegawai Kumpulan A dan B bagi keseluruhan perkhidmatan awam.

DASAR WANITA NEGARA

4. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) apakah isi-isi dan kriteria yang terpenting terkandung di dalam Dasar Wanita Negara dan jelaskan mengapakah ianya dibentuk; dan
 - (b) apakah tujuan utama pembentukan Dasar Wanita Negara dan bilakah ianya akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Antara kandungan penting yang terdapat dalam Dasar Wanita Negara adalah matlamat Dasar, prinsip dan garis panduan, strategi-strategi pelaksanaan Dasar, strategi dan jangka masa tindakan dan Rancangan Tindakan Mengikut Sektor.
- (b) Dasar Wanita Negara dibentuk bertujuan untuk memberi panduan dan tuju hala dalam segala usaha perancangan dari pelaksanaan program-program pembangunan negara. Selaras dengan semangat negara merdeka yang sedang membangun, Dasar Wanita ini mengutamakan penyertaan dan penglibatan aktif bersama kaum wanita dan lelaki dalam proses pembangunan di peringkat perancangan mahupun di peringkat pelaksanaan dan penilaian impaknya. Ianya akan dilaksanakan sebaik sahaja diluluskan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat. Pertamanya, saya ucapkan syabas dan terima kasih kerana soalan ini berkenaan wanita tetapi orang lelaki yang menjawabnya. Ini menunjukkan Yang Berhormat faham semua bidang. Saya ingin bertanya adakah juga termasuk salah satu dasar yang dilatih atau dijadikan satu subjek kepada wanita, termasuk dalam bagaimana cara aktif dalam politik untuk menaikkan diri menjadi pemimpin dalam politik. Begitu juga dalam "business" sebagai seorang usahawan yang terkemuka dan maju. Jadi, saya ingin tahu adakah ini juga salah satu daripada subjek yang dilatih atau mempunyai satu kursus kepada wanita-wanita untuk melaksanakan dasar wanita negara ini?

Tuan Othman bin Abdul: Sememangnya benar bahawa dalam dasar ini Kerajaan mengambil kira tentang potensi tenaga manusia yang separuhnya kita mengira daripada tenaga manusia ini. Yang ada dalam negara kita adalah terdiri daripada kaum wanita. Dengan sebab itu, masalahnya kita akan memasukkan semua sekali bukan sahaja politik bahkan ekonomi, sosial dan budaya. Inilah garis panduan yang ditetapkan bahawa keempat-empat iaitu saya mengulang satu sekali, ekonomi, sosial, politik dan juga budaya akan dilibatkan tenaga, pandangan dan pendapat wanita dan menggubal dasar negara, insya Allah.

Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu tidakkah dasar wanita negara ini bertindih dengan dasar belia dan sukan negara?

Tuan Othman bin Abdul; Tuan Yang di-Pertua, dasar ini tidaklah bertindih dengan dasar belia negara, kerana dasar wanita negara ini kita mengambil kira pandangan, pendapat dan pelibatan wanita yang saya sebutkan tadi, perancangan dan juga penilaian bagi dasar dan segala bentuk perancangan negara. Itu yang dijalankan yang dimaksudkan dalam dasar wanita negara kita. Terima kasih.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Sejauh manakah perjuangan dasar wanita negara itu telah dilaksanakan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dasar ini sedang dirangkakan oleh Kerajaan dan apabila siap, dasar ini akan dibawa ke dalam Dewan Rakyat untuk diperbahaskan dan diluluskan dan akan dibawa ke dalam Dewan Negara. Jadi, soal dasar ini masih lagi dalam kajian pihak Peguam Negara. Apabila Peguam Negara menyelesaikan soalan pengajian penggubalan undang-undang, insya Allah, akan dibawa ke dalam Dewan Negara. Walaupun tidak ada dasar

tetapi sekarang ini Kerajaan mengambil kira dan memangnya kita mengambil kira pandangan dan pendapat kepada golongan wanita untuk satu bentuk dasar dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, syabas sekali lagi saya mengucapkan Yang Berhormat. Cuma saya hendak tahu sedikit lagi. Selain daripada kita mengadakan berbagai-bagai subjek untuk memajukan dasar wanita, adakah terselit dalam satu subjek untuk menasihatkan wanita jangan melebihi kepada kaum lelaki. Kadang-kadang ada kerja-kerja yang berat yang patut kaum lelaki buat tetapi wanita bersabar tunggu belakang itu. Adakah tidak satu daripadanya **[Ketawa]**.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita menganggapkan soal pencapaian pendidikan. Salah satu dasar yang dikira harus dirujuk ialah pencapaian pendidikan yang setaraf di antara lelaki dan wanita. Jadi, salah pandangan pendapat itu kita kira setaraf dan soalan hendak "panjat pokok kelapa" itu lain-lah.

KWSPPENYELEWENGANPENGELUARANCARUMAN

5. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah disebabkan oleh pengurusan yang tidak cekap ataupun kerana pihak-pihak tertentu terlibat secara langsung berhubung dengan kes penyelewengan wang KWSP yang seringkali didengar yang mana melibatkan golongan profesional.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kes penyelewengan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP) melibatkan kerjasama secara langsung antara ahli-ahli sendiri dengan 'orang tengah' kecuali satu kes yang membabitkan seorang peguam yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah baru-baru ini.

Penyelewengan yang melibatkan ahli adalah agak sukar untuk dikesan kerana ahli sendiri yang menentukan semua dokumen dan bukti permohonan yang dikehendaki dibekalkan kepada KWSP. Walau bagaimanapun, KWSP akan meneruskan sistem kawalan yang ada sekarang untuk menentukan supaya pengeluaran yang dibuat itu adalah benar-benar digunakan bagi tujuan yang dipohon.

Pihak KWSP telah mengenakan syarat dan peraturan bahawa semua permohonan pengeluaran caruman bagi pembelian rumah hendaklah disertakan dengan Perjanjian Jual Beli dan Surat Kelulusan Pinjaman Perumahan sebagai bukti bahawa ahli benar-benar membeli rumah,

BANDUAN LARI DARI PENJARA

6. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana usaha Jabatan Penjara untuk menentukan banduan-banduan tidak mudah melarikan diri dari tahanan penjara seperti yang berlaku di Penjara Johor Bahru dan Simpang Renggam.

35. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah punca yang menyebabkan beberapa prang banduan berjaya melepaskan diri dari Penjara Simpang Renggam dan Johor Bahru;
- (b) siapakah yang bertanggungjawab dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk mengelakkan perkara begini tidak berulang lagi.

19.12.89

18. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dan Jabatan Penjara bagi memastikan tidak ada lagi berlaku banduan-banduan dengan begitu mudah dapat melepaskan diri dari penjara; dan
- (b) apakah tindakan pihak Kementerian mengenai adanya banduan yang diberi layanan istimewa oleh Jabatan Penjara.

22.12.89

3. **Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebabnya selalu sangat berlaku banduan-banduan dapat melepaskan diri dari penjara. Adakah ianya berpunca daripada kelalaian petugas-petugas pihak penjara atau adakah ianya berpunca daripada bangunan penjara-penjara yang ada di seluruh Malaysia ini tidak sesuai atau tidak lengkap sebagai tempat tahanan atau adakah berpunca daripada berlakunya rasuah di kalangan petugas-petugas penjara. Jika ya, apakah tindakan Kerajaan bagi menjamin supaya banduan-banduan tidak dapat lepas lari daripada tahanan di masa-masa akan datang.

32. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejak dari awal 1988 hingga pertengahan 1989 bilangan banduan yang melarikan diri dari beberapa buah penjara di Malaysia;
- (b) berapa yang ditangkap balik; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menguatkan kurungan di penjara-penjara kita.

26.12.89

15. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, bilangan banduan yang cuba melarikan diri dari penjara. Apakah tindakan akan diambil untuk mengelakkan kejadian yang sedemikian dari berterusan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat Tuan G. Rajoo yang dijadualkan pada hari **ini**, Yang Berhormat Puan Norani binti Haji Beluah yang dijadualkan pada 19,12.89, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif dan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon yang dijadualkan pada 22.12.89 serta Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho yang dijadualkan pada 26.12.89, kerana kesemuanya berkisar kepada perkara yang sama iaitu bilangan dan sebab-sebab kelarian banduan dari penjara dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab utama yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas;
- (ii) peluang yang wujud semasa menyertai "projek khidmat bakti" di luar penjara;
- (iii) keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan; dan
- (iv) keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.
- (v) mungkin logik kalau nelayan menangkap ikan, kalau penoreh getah menoreh getah dan kalau orang salah yang kena jel tentulah setiap masa dia hendak lari.

Jumlah banduan yang melarikan diri dari tahanan 1987 hingga Oktober tahun ini ialah:

Tahun	Jumlah banduan melarikan diri	Jumlah banduan ditangkap semula
1987	45 orang	27 orang
1988	21 orang	12 orang
1989 (Januari-Oktober)	27 orang	9 orang
Jumlah	93 orang	48 orang

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) mengenakan tindakan tatatertib yang keras termasuk buang kerja keatas pegawai-pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas;
- (ii) mempergiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara;
- (iii) menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- (iv) membina lebih banyak menara-menara kawalan;
- (v) menambah pemasangan 'sport light', dengan izin, di sekeliling tembok penjara;
- (vi) menambahkan pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara;

- (vii) memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina atau penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan;
- (viii) menghantar pegawai-pegawai dan kakitangan penjara menghadiri kursus keselamatan dari masa ke semasa; dan
- (ix) mempergiatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan kepada Dewan yang mulia ini selama ini berapa orang pegawai ataupun kakitangan daripada pihak Jabatan Penjara yang telah didakwa di mahkamah kerana kecuiaan mereka dalam kes bersabit dengan banduan-banduan yang melarikan diri,

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1987, 27 orang pegawai penjara yang telahpun diambil tindakan, 9 orang telah dihukum dan 18 orang lagi masih menunggu keputusan daripada badan tata tertib ataupun mahkamah.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan sama ada dengan sembilan langkah yang sedang diambil sekarang ini mencukupi untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penjara Malaysia memandangkan masalah yang dihadapi oleh penjara bukan sahaja masalah banduan lari daripada penjara tetapi masalah salahguna kuasa yang boleh menolong ataupun membantu banduan-banduan menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak dibenarkan di dalam penjara, misalnya banduan-banduan seperti Abdullah Ang, dadah dan lain-lain lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada 9 tindakan yang akan dan sedang diambil oleh pihak penjara kita merasakan bahawa ini masih lagi tidak memadai. Dengan sebab itulah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri telahpun memanggil semua Pengarah-pengarah Penjara di seluruh negara untuk berbincang dari hati ke hati tentang masalah-masalah yang wujud dan daripada perbincangan itu akhirnya kesemua Pengarah-pengarah Penjara telah berikrar untuk meningkatkan kembali moral Jabatan Penjara agar ia mendapat kepercayaan daripada orang ramai.

Selain daripada itu, kita tahu bahawa 40% daripada penghuni-penghuni penjara adalah merupakan banduan-banduan 'remand' yang menimbulkan masalah yang sungguh besar kepada Jabatan Penjara. Baru-baru ini Ketua Hakim Negara telahpun membuat pengumuman bahawa satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk mengendalikan masalah kes-kes banduan 'remand' ini agar kesesakan dalam penjara tidaklah sepertimana yang kita dapati hari ini dan yang demikian dapatlah kita menghindarkan sedikit-sebanyak masalah-masalah yang wujud di dalam penjara.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Habidah, soalan yang akhir sekali.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara banduan-banduan yang melarikan diri yang tidak dapat ditangkap kembali sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi ke manakah agaknya mereka itu bersembunyi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pihak Jabatan Penjara ataupun pihak Kementerian Dalam Negeri tahu di mana mereka bersembunyi dapatlah kita tangkap semula.

[Ketawa] Oleh kerana kita tidak tahu mereka sembunyilah maka mereka tidak dapat kita tangkap semula.

AL-ARQAM - PENDEDAHAN AURAD MUHAMMADIAH

7. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada keyakinan pengikut Al-Arqam masih kuat dengan Aurad Muhammadiyah yang dianggap oleh Pusat Islam "mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang menyeleweng dari ajaran Islam" Jika benar, mengapa ketua Al-Arqam Ustaz Ashaari tidak diminta bertaubat dan balik ke Malaysia tanpa membuang masa di luar negeri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, selepas pendedahan mengenai Aurad Muhammadiyah dibuat, ramai juga pengikut-pengikut Al-Arqam telah keluar dari kumpulan tersebut. Namun begitu ahli-ahli yang masih kekal dengan kumpulan itu adalah masih berpegang kuat dengan amalan dan kepercayaan Aurad Muhammadiyah itu.

Kerajaan telah beberapa kali mengatur perjumpaan dengan kumpulan tersebut bagi membincangkan tentang Aurad Muhammadiyah tetapi pada setiap kali perjumpaan itu telah dibatalkan oleh pihak Al-Arqam pada saat-saat terakhir. Oleh itu usaha-usaha untuk membetulkan beberapa aspek kepercayaan dan amalan kumpulan ini yang menyeleweng itu secara muzakarah telah gagal.

Namun demikian usaha-usaha melalui dakwah dan penerangan terus dijalankan oleh Kerajaan serta badan-badan dakwah bukan Kerajaan. Insya Allah, usaha-usaha ini akan memberi kesedaran kepada pengikut-pengikut Aurad Muhammadiyah itu.

Puau Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan saya juga menyebut mengenai pemimpin teragung Al-Arqam ini iaitu Al-Ustaz Ashaari yang sekarang ini berada di luar negeri dan mendapat banyak faedah dari negara-negara Islam yang telah dikelirkannya. Pernah saya kemukakan soalan ini kepada Kementerian Kebajikan yang saya rasa dalam Kementerian itu merangkumi juga masalah-masalah bantuan dan derma untuk orang-orang yang tidak bekerja atau orang-orang yang perlukan bantuan. Jawapan daripada Timbalan Menteri itu semalam ialah "Kementerian saya tidak sedar". Jadi apakah Jabatan Perdana Menteri juga tidak sedar?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri sedar mengenai perkara **ini**, sebab itulah kita bercadang dan kita merancang rundingan-rundingan dan kita memanggil mereka. Jadi, sekarang kita tahu bahawa Ustaz Ashaari tidak ada di Malaysia. Setengah-setengah kata dia ada di Kaherah, setengah kata ada di Thailand. Jadi, kalau dia balik ke negara kita, insya Allah kita akan buat lagi pertemuan. Kita akan minta dia hadir ke Pusat Islam untuk kita menyelesaikan perkara **ini**.

Kita memberi penjelasan kepada Ketua Al-Arqam ini tetapi untuk makluman Yang Berhormat bahawa telah dua kali kita membuat pertemuan dengan dia. Pertama, pada tahun 1987, kita telah panggil, kononnya dia sakit, dia hantar dua wakil. Wakilan itu pun wakilan yang kecil, tidak besar, kemudian pada tahun 1989, sekali lagi kita panggil tetapi dia membatalkan tanpa sebab. Kemudian **itu**, kita tidak lagi dapat mengesan di mana sebenarnya Ustaz Ashaari ini **ber-**ada. Insya Allah, kalau dia balik dan saya rasakan sebagai seorang pemimpin yang berkehendakkan untuk mencari kebaikan sudah pasti harapan Kerajaan bahawa kumpulan yang dipimpin oleh Ashaari ini akan dapat mencari kebenaran, insya Allah untuk bermuzakarah dengan Kerajaan bagi dapat menyelesaikan perkara-perkara yang seharusnya dia mengetahui dan para pengikut Al-Arqam mengetahui.

GANGGUAN SIARAN XV DI SEMPADAN MALAYSIA-THAI

8. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Penerangan menyatakan perkembangan mutakhir mengenai usaha Kerajaan mencari penyelesaian dengan Kerajaan Thailand berkenaan dengan gangguan televisyen negara itu ke atas penyiaran Televisyen Malaysia di negeri-negeri sempadan seperti Kelantan dan Kedah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai gangguan di RTM di sempadan Malaysia-Thai, ianya dikenalpasti sebagai gangguan

siaran stesen pemancar TV Thai di Haadyai dan di Yala yang mempunyai frekuensi siaran yang sama dengan pemancar TV Malaysia di Gunung Jerai, Kedah dan Bukit Bakar, Kelantan. Perkara ini telah dibawa ke perhatian pihak berkuasa Thai di mesyuarat penyelarasaan penggunaan frekuensi di kawasan sempadan yang ke 4 yang diadakan pada 31hb Januari 1989 di Haadyai, Thailand.

Dalam mesyuarat itu telah dibangkitkan bahawa menurut amalan biasa antarabangsa berhubung dengan penggunaan frekuensi ini yang datang kemudian seharusnya mengelak daripada mengguna mana-mana frekuensi yang telah diguna oleh negara yang lain dan secara kebetulannya, RTM telahpun mengguna frekuensi itu sejak tahun 1964 di Bukit Bakar, dan tahun 1969 di Gunung Jerai, sedangkan Thailand mula menggunakan frekuensi yang berkenaan kira-kira dalam tahun 1986.

Walau bagaimanapun, mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk membuat penyelidikan bersama dan memberi cadangan untuk mengatasi masalah tersebut dalam tempoh 3 bulan, tetapi sehingga sekarang satu keputusan muktamad belum lagi dicapai kerana pihak Thailand tidak bercadang untuk mengubah frekuensi VHF walaupun Malaysia telah memulakan siarannya dalam VHF lebih awal dari Thailand.

Tuan Hassan bin Harun: Soalan tambahan. Apakah dalam rundingan pihak Malaysia dengan pihak Thailand untuk menyelesaikan masalah ini semangat ASEAN tidak timbul, kerana masalah ini adalah masalah besar, dan ini boleh menyebabkan kekeliruan di kalangan rakyat kerana siaran-siaran itu bukan sahaja mengganggu tetapi sesetengahnya boleh menimbulkan masalah-masalah yang ada kaitan dengan politik.

Dato' Haji Ahmad Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, kita mengharapkan melalui rundingan-rundingan

yang kita laksanakan secara terus-menerus itu, insya Allah, dalam hal ini akan dapat diselesaikan. Sekiranya pihak Thailand tidak dapat mengubah frekuensinya, maka Yang Berhormat Menteri telahpun membuat arahan kepada bahagian engineering supaya membuat satu kajian apakah kita berkemungkinan untuk hendak mengubah daripada VHF yang kita gunakan sekarang ini kepada UHF iaitu Ultra High Power Frequency

BIRO PENGADUAN AWAM - SAMBUTAN ORANG RAMAI

9. **Tuan Ng Peng Hay** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana sambutan orang awam terhadap Biro Pengaduan Awam yang mana baru-baru ini. Biro tersebut telah membuat litaran/lawatan ke Semenanjung Malaysia dari 18 hb September 1989 hingga 8hb November 1989. Hasil litaran tersebut beberapa bandar/pekan telah dilawati dan berapa kes aduan yang telah diterima dan berapa jumlah yang telah diselesaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya sambutan orang ramai terhadap Litaran Biro Pengaduan Awam amatlah menggalakkan. Seramai 359 pengadu telah menemui pegawai-pegawai Biro yang melawat sebanyak 17 bandar ataupun pekan. Jumlah aduan yang diterima ialah sebanyak 317 kes yang menyentuh perkara-perkara yang melibatkan kelompok selain daripada kes-kes perseorangan. Di samping itu, beberapa pengamatan ataupun pandangan telah dikemukakan oleh orang ramai berkaitan dengan amalan-amalan yang tidak menyenangkan oleh pentadbiran beberapa Jabatan Persekutuan.

Daripada jumlah aduan yang diterima itu, sebanyak 21 aduan telah dapat diselesaikan setakat ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan apakah Yang Berhormat sedar bahawa ada setengah-

setengah pengadu tidak berani ataupun sukar hendak bekerjasama dengan Biro Pengaduan Awam kerana mereka kkuatir nama mereka apabila membuat aduan terhadap sesuatu jabatan tidak akan dirahsiakan. Macam mana dipastikan bahawa nama-nama pengadu ini tidak akan diberitahu kepada Jabatan yang berkenaan apabila mereka membuat aduan?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pada pandangan Biro Pengaduan Awam masih tidak ada orang yang benar-benar takut datang ke hadapan pegawai-pegawai Biro Pengaduan. Namun demikian, nama-nama si pengadu itu selalunya dirahsiakan apabila mereka datang ke Biro ini.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kebanyakan kes aduan yang diterima tidak boleh diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam. Saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan.

Dr. Ting Chew Peh: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kadar penyelesaian bagi kes-kes yang diterima itu bolehlah dikatakan amat tinggi. Secara purata kira-kira 72% kes yang diterima oleh Biro ini diselesaikan cuma kes-kes yang terlalu rumit itu ada kalanya tidak dapat kita selesaikan.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai ungkapannya, "selalu dirahsiakan". Apakah maksudnya, adakah yang tidak dirahsiakan?

Dr. Ting Chew Peh: Pembetulan, semua nama itu dirahsiakan.

PENGINTIPAN OLEH ANASIR-ANASIR LUAR

10. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah seriusnya tuduhan pengintipan yang dilakukan oleh anasir-anasir luar seperti disebut oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar baru-baru ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa pihak akhbar telah membuat laporan yang salah kononnya saya menyatakan bahawa ada negara-negara jiran yang mengintip negara kita. Sebenarnya, apa yang saya sebutkan ialah bahawa sesebuah negara yang mempunyai kemudahan tele-kesan atau 'remote sensing' boleh melihat apa yang berlaku di muka bumi negara-negara lain termasuk Malaysia.

Teknologi telekesan digunakan untuk memperolehi data mengenai sumber-sumber alam semula jadi di bumi serta mengawasi keadaan sumber-sumber itu.

RUMAH KOS RENDAH DI SARAWAK

11. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauh manakah Kerajaan telah berjaya dalam membina rumah kos rendah di Sarawak dalam tempoh tiga setengah tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sila nyatakan berapa banyak unit perumahan yang telah dibina;
- (b) berapa banyak unit perumahan kos rendah yang akan dibina pada tahun 1990 di Sarawak; dan
- (c) apakah langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk memesatkan proses pembangunan perumahan di Sarawak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah mengenalpasti sebanyak 2,001 unit di seluruh negeri Sarawak di bawah Rancangan Perumahan Kos Rendah manakala Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak 1,259 unit. Sehingga ke 30hb Jun 1989, sebanyak 98 unit telah siap manakala 1,000 unit di dalam pembinaan dan 161 unit di peringkat awal pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, pada tahun 1990, 1,025 unit lagi akan dilaksanakan bagi seluruh negeri Sarawak, manakala di dalam RMKE, sebanyak 48 projek telah dikenalpasti yang merangkumi sebanyak 14,847 unit.

JEMAAH HAJI MELALUI TABUNG HAJI

12. **Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bayaran yang perlu dijelaskan oleh seorang Jemaah Haji untuk menunaikan fardhu haji pada musim yang akan datang ini; dan
- (b) berapakah peratus keuntungan yang akan diperolehi oleh LUTH bagi setiap Jemaah Haji yang menunaikan fardhu haji tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bayaran yang perlu dijelaskan oleh jemaah haji kepada Tabung Haji (Wang Naik Haji) bagi Musim Haji 1410 Hijrah ialah seperti berikut:-

Semenanjung Malaysia : \$5,500.00 seorang.

Sabah dan Sarawak : \$6,000.00 seorang.

- (b) Tabung Haji tidak membuat apa-apa keuntungan dari jemaah haji yang menunaikan fardhu haji.

Puan Hajjah Habidah binti Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiap tahun pihak LUTH ada menghantar bersama-sama jemaah haji Mutawif.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan, berapakah kadar bilangan jemaah haji bagi perkhidmatan seseorang Mutawif itu dan apakah kriteria bagi seseorang yang hendak menjadi Mutawif itu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kadar yang disebut sebagai Mutawif itu ditetapkan oleh jumlah ramainya bakal haji bagi satu-satu tahun. Jadi bagi tahun 1410 Hijrah misalnya, kita masih lagi menerima permohonan daripada bakal-bakal haji untuk menunaikan fardhu haji. Walau bagaimanapun kita ada kakitangan yang disebutkan

sebagai Mutawif ini yang ditetapkan jumlahnya, tetapi saya minta maaf kerana tidak ada dalam simpanan saya pada hari ini, tetapi setiap tahun kita memanggil ataupun memilih biasanya adalah bekas-bekas mahasiswa yang pernah menuntut di Mesir ataupun di Universiti Madinah untuk menjadi Mutawif ini bagi kemudahan, para jemaah haji kita.

Puan Aion binti Ariffin: Soalan tambahan. Saya berminat sedikit dengan jawapan Setiausaha Parlimen ini kerana kebijakannya.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan (akan jadi 'Timbalan Menteri', insya Allah) bahawa LUTH tidak membuat keuntungan daripada jemaah-jemaah haji. Jadi keuntungan yang disiarkan dalam penyata LUTH ini datang daripada mana berjuta-juta ringgit itu? Itu yang saya ingin tahu.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya keuntungan yang diperolehi oleh Tabung Haji ialah daripada sewa bangunan, dividen saham, jualan saham, keuntungan pelaburan bank dan dividen daripada anak-anak syarikat. Inilah keuntungan yang diperolehi oleh Tabung Haji. Sebenarnya Tabung Haji menokok lagi perbelanjaan untuk jemaah haji.

Saya ringkaskan tahun 1984 Tabung Haji menokok perbelanjaan Tabung Haji sebanyak \$1.5 juta, tahun 1985 \$.75 juta, 1986 \$.41 juta, tahun 1987 \$.35 juta. Dan tahun 1988 - tahun lalu iaitu berjumlah \$1.56 juta tokok yang ditambah oleh Tabung Haji atas urusan pengendalian jemaah haji.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik pada masalah Mutawif ini.

Saya ingin hendak tahu sama ada LUTH memberi kursus kepada penuntut-penuntut kita di Mekah dan juga di Madinah supaya mereka benar-benar tahu tugas Mutawif, sebab kalau mereka tidak ada pengalaman, yang senang itu dijadikan susah kepada jemaah haji, kerana dia ini Mutawif maka dia buat cara dia. Ini menyusahkan jemaah haji.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang Tabung Haji mengadakan kursus-kursus untuk Mutawif ini yang akan menjalankan tugas mereka di Mekah. Oleh yang demikian, mereka bukan sahaja diberi kursus tentang penyempurnaan Rukun Haji, bahkan mereka juga diberi kursus untuk mengetahui jalan-jalan di Mekah itu sendiri, di Madinah dan juga jalan hendak pergi ke Arafah, semua itu diberi kursus kepada mereka supaya mereka tidak membuat jemaah haji ini tersesat di samping itu mereka boleh memandu jemaah haji ini bahkan saya ingin menyatakan bahawa Tabung Haji memang mengadakan kursus untuk Mutawif ini bagi kepentingan para jemaah haji kita.

PELABUR-PELABUR ASING DI MALAYSIA

13. **Dr Ng Khok Kiung** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sehingga ini adakah Kerajaan berjaya untuk mempelawa pelabur-pelabur asing ke negara ini.

22. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah pelabur-pelabur asing melabur di negara Malaysia sejauh Januari 1989 hingga Disember, 1989 dan berapa banyakkah wang yang telah dilaburkan oleh pelabur-pelabur sepanjang tahun 1989, di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato Dr K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohoh izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim yang dijadualkan pada hari ini, juga memenangkan kedua-dua soalan ini adalah berkaitan dengan pengaliran pelaburan.

Kejayaan Kerajaan dalam memperlawa pelaburan asing ke negara ini dapat dilihat dari jumlah cadangan modal pelaburan asing yang mengalir ke dalam negara ini sejak tahun 1980. Bagi tempoh tahun 1980 sehingga Oktober, 1989 sebanyak 5,557 projek telah diluluskan dengan cadangan pelaburan sebanyak \$52,633.3 juta ringgit. Dari jumlah ini \$22,106.4 juta merupakan pelaburan asing manakala \$30,526.9 juta merupakan pelaburan tempatan. Pelaburan-pelaburan ini selain daripada mewujudkan peluang-peluang pekerjaan telah juga memberi faedah-faedah lain seperti peningkatan teknologi negara memandangkan pelaburan-pelaburan ini adalah disemua sektor industri, hubungan pasaran antarabangsa dan linkage dengan industri-industri sokongan tempatan.

Berhubung dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim bagi tempoh Januari sehingga Oktober, 1989 sebanyak 658 projek telah diluluskan dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$10,610.3 juta, di antara ini 500 projek adalah dengan penyertaan pelaburan asing dengan pelaburan sebanyak \$7,508 juta. Pelaburan tempatan adalah sebanyak \$3,101.5 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, angka-angka pelaburan bagi bulan November dan Disember masih belum diproses.

MESYUARAT CHOGM - PERBELANJAAN

14. **Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perbelanjaan yang dialami untuk membuat persiapan bagi menghadapi sidang Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM. Dari segi apakah sidang tersebut membawa faedah kepada negara kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah/Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan yang diuntukkan bagi persiapan Mesyuarat CHOGM ialah sebanyak \$39,375,500.

Mesyuarat tersebut telah membawa banyak faedah kepada negara kita. Mesyuarat tersebut telah memberi publisiti yang amat meluas kepada Malaysia. Sekiranya Malaysia hendak mengadakan publisiti yang meluas seperti ini di media-media massa diseluruh dunia, dianggarkan akan menelan belanja melebihi \$50 juta. Dengan itu, kita telahpun mendapat balik perbelanjaan yang telah dibuat oleh negara semasa menuanrumahkan CHOGM.

Selain daripada itu, secara tidak langsung, kejayaan mesyuarat CHOGM akan meningkatkan ekonomi negara kita untuk kebaikan rakyat jelata, dengan ketibaan lebih banyak pelancong-pelancong ke negara **ini**, memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa dan seterusnya meningkatkan lagi perdagangan Malaysia dengan dunia luar.

Selain daripada itu kejayaan Mesyuarat CHOGM telah memberi penghormatan yang tinggi kepada negara dan pemimpin negara, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Banyak ucapan-ucapan tahniah yang diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

daripada pemimpin-pemimpin Komanwel yang lain atas kejayaan luar biasa Mesyuarat tersebut.

Kesimpulannya, Mesyuarat CHOGM akan membawa dan menambah kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah atas kejayaan Kerajaan Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan CHOGM ini dan benar-benar merasakan banyak sekali faedah-faedah yang telah kita terima sebagai sebuah negara, setelah kita menjadi tuan rumah kepada Persidangan ini. Jadi jika sekiranya diambil semua faedah-faedah yang telah kita terima ini, apakah dari segi pandangan pihak Kementerian Luar Negeri mahupun pandangan Kerajaan Malaysia secara keseluruhannya, apakah satu, jika dikatakan, dengan izin, single-out daripada faedah-faedah yang diterima ini yang merupakan terbaik, teragung sekali?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pendapat itu agak relatif sekali tetapi daripada pandangan kacamata saya, perkara pokok yang terpenting yang dapat kita hasilkan melalui CHOGM itu ialah dapat membukakan mata seluruh dunia tentang keadaan aman, damai, kemakmuran, pembangunan yang wujud di negara kita yang sebelum ini belum dikenal begitu dekat oleh negara-negara asing di seluruh dunia. Kita pun masa dahulu susah sangat untuk kita hendak memperkenalkan Malaysia ke dunia bebas tetapi pada akhir-akhir ini di bawah satu polisi baru yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri hendak memperkenalkan Malaysia dengan lebih dekat lagi kepada dunia luar, maka dengan kejayaan CHOGM yang mana telahpun diiktirafkan sebagai yang paling berjaya sekali pernah diadakan semenjak diwujudkan telah dapat membuka banyak mata kawan dan lawan di seluruh dunia tentang kemampuan, tentang kebolehan, tentang perpaduan, kemakmuran dan berbagai-bagai lagi yang ditunjukkan oleh bukan sahaja Kerajaan tetapi setiap masyarakat rakyat Malaysia selama 10 hari lebih kurang persidangan CHOGM itu berlangsung di Kuala Lumpur, di Melaka dan juga Langkawi.

KEPERLUAN GUNATENAGA MANUSIA

15. **Tuan K. Sivalingam** minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang telah dibuat berkenaan dengan keperluan gunatenaga manusia bagi tahun 1990an. Jika ya, apakah perangkaannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan perancangan sumber tenaga manusia sedang dalam proses

penyediaan pengunjuran keperluan gunatenaga dalam tahun 1990an. Data-data berkenaan keperluan tenaga manusia bagi jangka masa ini akan diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Berdasarkan perkembangan ekonomi negara sekarang keperluan tenaga manusia dalam tahun 1990 an akan berbeza sedikit dari masa-masa yang lalu. Ini adalah kerana sektor pembuatan/perkilangan adalah dijangkakan akan memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi dan juga pengwujudan peluang pekerjaan yang baru. Pada keseluruhannya, tenaga pekerja yang diperlukan di masa hadapan mestilah mempunyai kebolehan dan kepakaran yang tinggi dalam aspek teknikal.

Sektor pertanian masih lagi dapat menyediakan sebahagian besar pekerjaan, iaitu lebih kurang 1/3 daripada jumlah peluang keseluruhannya. Tetapi adalah dijangka dengan adanya penekanan terhadap meningkatkan pengeluaran pertanian dan pemerosesan bahan-bahan mentah pertanian, jenis tenaga kerja yang diperlukan adalah juga dalam kategori yang memerlukan kemahiran teknikal/komersial.

Di samping itu, sektor perkhidmatan terutamanya pelancongan, bank, insurans dan pengangkutan dan lain-lain juga memerlukan tenaga pekerja yang lebih mahir dan berkebolehan teknikal.

KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN SPM

16. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Pendidikan menyatakan siapakah yang bertanggungjawab ke atas pembocoran soalan-soalan Kertas II Bahasa Malaysia. Apakah tindakan akan diambil untuk mengelakkan masalah pembocoran dari terus berlaku, apakah rasional di sebalik cadangan mencetak kertas-kertas peperiksaan awam di negara kita pada masa akan datang.

12.12.89

1. **Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan terutamanya untuk peperiksaan SPM dan STP sentiasa berulang setiap tahun. Jika sedar, apakah tindakan yang dijalankan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

18.12.89

31. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah punca yang menyebabkan kebocoran kertas soalan Bahasa Malaysia II dalam Peperiksaan SPM tahun ini, dan tindakan-tindakan yang diambil terhadap orang-orang yang bertanggungjawab;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan perkara begini tidak berulang Lagi; dan
- (c) dengan ringkas cara-cara sistem penggubalan soalan, mencetak, membungkus, mengedar dan menjalankan peperiksaan SPM di negara ini.

19.12.89

19. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab dalam masa kebelakangan ini didapati setiap tahun Kertas Peperiksaan seperti SPM bocor:

- (a) adakah kerana kecuaiannya, atau "harapkan pagar, pagar makan padi"; dan
- (b) jika siasatan yang dijalankan ke atas perkara kebocoran Kertas Peperiksaan berjaya apakah tindakan dan hukuman yang setimpal kepada mereka ini yang merugikan Kerajaan dan menyusahkan pelajar-pelajar yang berpuluh ribu.

20.12.89

32. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bagaimana Kertas Peperiksaan Bahasa Malaysia itu boleh bocor. Adakah disebabkan kecuaiannya kawalan oleh pihak Kementerian ataupun penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini banyak benar yang bocor, yang lesap dan yang diselewengkan; dan
- (b) apakah tindakan sedang dibuat oleh Kementerian Pendidikan supaya kejadian yang memalukan itu tidak berulang lagi di tahun-tahun akan datang.

21.12.89

23. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada terdapat kes-kes kebocoran dalam peperiksaan awam sama ada UPSR, SRP, SPM atau STPM, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk "menghapuskan masalah kebocoran peperiksaan ini,

22.12.89

30. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pendidikan menyatakan iaitu sejauh manakah benarnya berlaku kebocoran soalan peperiksaan Kertas Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan SPM baru-baru ini. Jika benar berlaku, nyatakan siapakah yang membocorkan soalan kertas peperiksaan tersebut, dan dapatkah ditangkap orang yang bertanggungjawab membocorkannya dan di mana dicetak kertas soalan peperiksaan sama ada di dalam negeri atau di luar negeri.

28.12.89

38. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah laporan penuh mengenai kebocoran kertas peperiksaan Bahasa Malaysia, SPM - Kertas 2. Apakah tindakan lanjut oleh Kementerian,

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin jawapannya adalah panjang sedikit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 9 soalan yang berkaitan dengan kebocoran kertas peperiksaan SPM baru-baru ini. Selain daripada Ahli Yang Berhormat, berikut adalah nama-nama Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan tersebut serta tarikh jawapannya:

1. Yang Berhormat Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff pada 12hb Disember, 1989;
- (2) Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pada 18hb Disember, 1989;
- (3) Yang Berhormat Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim pada 19hb Disember, 1989;
- (4) Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria Haji Yahaya pada 20hb Disember, 1989;

- (5) Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon pada 21hb Disember, 1989;
- (6) Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam pada 22hb Disember, 1989;
- (7) Yang Berhormat Dato' Chan Choong Tak pada 26hb Disember, 1989; dan
- (8) Yang Berhormat Tuan C. Krishnan pada 28hb Disember, 1989.

Dengan itu, saya memohon keizinan dari Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan tersebut sekali gus.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berkenaan kebocoran kertas peperiksaan SPM Kertas Bahasa Malaysia II, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan tegas dan bekerjasama dengan pihak polis. Setakat ini pihak polis telah menangkap 7 orang yang berkaitan dengan kes ini dan siasatan sedang terus dijalankan.

Langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengelakkan kebocoran kertas peperiksaan dengan mempertingkatkan peraturan keselamatan di semua peringkat dan menentukan peraturan keselamatan itu dipatuhi.

Secara ringkas, sistemnya yang merangkumi 10 langkah adalah seperti berikut:-

- (1) Penentuan dasar dan strategi pelaksanaan dasar iaitu menentukan objektif peperiksaan dan menyediakan perincian yang berkaitan.
- (2) Pembinaan soalan, iaitu menubuhkan Panel Kertas Soalan dan usaha menghasilkan soalan,-
- (3) Kaji selidik, iaitu menguji soalan-soalan untuk mendapatkan kumpulan soalan yang sesuai, iaitu baik dan sah.

- (4) Pengeluaran manuskrip kertas soalan peperiksaan.
- (5) Pengurusan percetakan, iaitu menerima manuskrip dan menentukan format kertas soalan, dan mengurus dengan pembekal pencetak dari peringkat awal hingga akhir.
- (6) Pengedaran kertas soalan, iaitu menerima kertas-kertas soalan peperiksaan yang telah dicetak dan dibungkus dan mengedarkan kotak-kotak kertas soalan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan seterusnya ke Bilik-bilik Kebal atau Balai Polis dan akhirnya ke pusat peperiksaan.
- (7) Pengendalian peperiksaan, iaitu pengawasan pusat peperiksaan dan calon-calon yang mengambil peperiksaan,
- (8) Pemeriksaan kertas jawapan, iaitu menerima kertas jawapan dari pusat peperiksaan dan menguruskan mesyuarat penyelarasan dan latihan untuk pemeriksa kertas.
- (9) Penetapan darjah, iaitu menentukan prestasi calon dan gred berdasarkan markah yang diperolehi oleh calon-calon.
- (10) Pengumuman keputusan, iaitu menyediakan salinan keputusan untuk dihantar kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan seterusnya ke sekolah atau kepada calon individu dan menyediakan kenyataan akhbar dan analisis prestasi calon.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kertas peperiksaan SPM memang dicetak di luar negara kerana perjanjian rasmi telah dibuat dengan agensi negara luar.

Setakat ini Kementerian Pendidikan sudahpun mencetak soalan-soalan peperiksaan di dalam negeri iaitu soalan peperiksaan UPSR iaitu untuk Sekolah Rendah dan SRP iaitu Sijil Rendah Pelajaran. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sedang dalam proses merancang untuk mengambilalih percetakan soalan-soalan peperiksaan SPM dan STPM. Percetakan ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di manakah sebenarnya bermula pembocoran ini, adakah di peringkat masih dalam negara lagi ataupun di tempat percetakan?

Yang kedua, bilakah tarikh habisnya kontrak di antara percetakan yang ditempah dengan Kementerian Pendidikan? Saya ingin tahu.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan yang kedua itu sebab saya perlu dapat notis dahulu. Berkaitan soalan yang pertama, Kementerian Pendidikan dinasihatkan oleh pihak Polis bahawa siasatan sedang terus dijalankan dan sebab itu untuk tidak menjejaskan siasatan Polis, kita tidak hendak mengumumkan dari mana kebocoran itu sudah bermula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 36 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Disember, 1989)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman menyambung ucapannya.

3.31 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyambung perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1963 dan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang saya sentuh semalam, saya juga ingin mengingatkan kepada semua pihak dan semua rakyat di dalam negara kita ini bahawa tolak ansur, toleransi Kerajaan di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini yang mana pada mulanya apabila kita mencapai kemerdekaan kita berjanji di dalam tempoh masa 10 tahun kita akan mengadakan satu Rang Undang-undang untuk menjadikan bahawa Bahasa Kebangsaan mesti dipergunakan dengan seluas-luasnya di dalam Mahkamah dan sepatutnya Rang Undang-undang ini mesti kita luluskan dalam tahun 1967, tetapi baharu di tahun 1989 sahaja kita kemukakan dalam Dewan ini. Ini bererti selama 22 tahun Kerajaan Malaysia yang di bawah pimpinan Barisan Nasional

memberi peluang selama 22 tahun kepada rakyat Malaysia supaya mempelajari benar-benar dan memahami Bahasa Kebangsaan agar bahasa ini tidak lagi dipersoalkan oleh sesiapa jua di dalam negara kita ini.

Saya mengucapkan syabas kepada kaum-kaum yang menyokong dasar Kerajaan kita, tetapi masih ada lagi pihak-pihak yang membangkang. Pada hal mereka diberi peluang juga dan mereka bukan tidak tahu berbahasa kebangsaan, mereka kadangkala lebih bijak bercakap, bertutur di dalam Bahasa Kebangsaan, tetapi atas sikap benci kepada Kerajaan, atas sikap marahkan kepada Kerajaan kerana mereka juga ingin berkuasa, terutamanya parti DAP, kemudian diikuti pula dengan parti baru iaitu Parti 46, pun sudah terikut-ikut atas semangat dan pengaruh DAP. Jadi, dengan perbuatan inilah, Tuan Yang di-Pertua, menghalang cita-cita Kerajaan untuk mencapai matlamat yang sebenar bahawasanya yang menjadi persoalan kepada kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan perkara ini untuk kita gunakan di dalam Mahkamah yang mana akan melibatkan hakim-hakim, peguam-peguam dan kepada semua pegawai yang memainkan peranan dalam Mahkamah. Sedangkan mereka yang memainkan peranan ini menyokong memberikan persetujuan supaya Bahasa Kebangsaan ini mesti diperluaskan dan mesti dipergunakan di dalam Mahkamah dengan seluas-luasnya.

Tetapi apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan di dalam Dewan Rakyat, saya begitu kesal sekali. Pada hal mereka tahu mereka di pihak minoriti, walau macam mana pihak mereka menentang, tetapi apabila pengundian tetap kita berjaya dan kita menang. Tetapi mereka mahu menunjukkan bahawa mereka ini bersikap degil, mereka juga mahu mencari pengaruh agar ada saki baki rakyat yang

tidak dapat menikmati segala kemewahan dalam negara ini kerana menuntut perkara-perkara yang tidak berpatutan supaya mereka ini juga turut menyokong kepada pembangkang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir yang kita kasihi dan ucapan syabas juga kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud yang telah membawa usul ini di dalam Dewan kita semalam dan saya percaya apabila Rang Undang-undang ini dibentang dalam Dewan **ini**, bukan hanya setakat Senator daripada kaum Melayu sahaja yang akan bercakap dan membahaskan Rang Undang-undang ini untuk memberikan sokongan yang penuh dengan tidak berbelah bahagi lagi, malahan Senator-senator daripada MCA, MIC, GERAKAN juga dan yang lain-lain dalam parti komponen juga akan turut membahas dan menyokong Rang Undang-undang ini kerana kita sedar, kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara adalah merupakan mereka yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ahli yang menduduki Dewan yang tertinggi di dalam negara. Tidak ada lagi Dewan di dalam Negara Malaysia **ini**. Maka kewajipan kita, tugas kita adalah menjadi teladan kepada orang-orang bawahan. Itulah sebabnya Kerajaan kita mengadakan satu dasar 'Kepimpinan Melalui Tauladan'. Nah, ayuh pada petang ini kita tunjukkan teladan kita sebagai Ahli Dewan Negara.

Walau apa pun yang berlaku di Dewan sebelah, tetapi kita adalah mempunyai suatu pemikiran yang waras, walau pun ada dalam hati kita merasakan kurang setuju, tetapi setelah kita kembali balik kepada sejarah kita sendiri sebagai Ahli Dewan, apabila kita mengangkat

sumpah, kita mengakui kita taat setia, berikrar memperlindungan Perlembagaan negara dan dengan sendirinya termasuk salah satunya iaitu memperjuangkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mengharapkan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan supaya ia dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya di dalam mahkamah dan saya percaya adalah satu bahasa yang paling mudah kepada mana-mana kaum untuk mempelajari atau untuk menuturkan Bahasa Kebangsaan ini, kerana dalam banyak-banyak bahasa saya memujilah, bukanlah kerana saya ini daripada kaum Melayu mengatakan bahasa Melayu itu sebagai bahasa yang paling baik, tetapi bahasa yang paling mudah dipelajari, dengan izin, Bahasa Kebangsaan Dato' tidak ada 'past tense', tidak ada 'present tense' dan juga tidak ada 'tense-tense' semuanya senang sahaja kalau bercakap. Dan yang saya sebutkan tadi bahasa yang paling mudah kita belajar, umpama kita bercakap, kalau dalam bahasa Inggeris, tidak betul kita bercakap bererti perkara semalam kita hendak bercakap hari ini jadi dia punya bahasa sudah lain. Tetapi dalam bahasa Malaysia semalam punya cara, perbuatan kita pun hari ini pun masih boleh, sama dia punya bahasa, tidak ada perbezaan. Itulah yang saya kata paling mudah dan ini bukan sahaja diakui oleh kaum kita sendiri dalam negara kita, bahkan di dunia luar juga apabila pelancong-pelancong datang ke negara kita, dalam masa dua hari dia sudah pandai cakap Bahasa Kebangsaan dan bila kita bertanya macam mana awak boleh cepat pandai? Dia kata: "Oh, paling simple to learn Bahasa Kebangsaan."

Maka kita harus berbangga, terutamanya kepada rakyat Malaysia yang telah mencurahkan taat setia kepada negara Malaysia. Kalau kita buat perbezaan dengan negara lain, terutamanya kita insaf, kita telah dikongkong beberapa puluh tahun oleh penjajah, apabila dapat kita menumbangkan Malayan Union dan menyatukan kaum Melayu, kaum China dan Kaum India sehingga kita dapat mencapai kemerdekaan dan kita telah bersama-sama bersetuju meletakkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi, tetapi kenapa masih ada lagi manusia-manusia yang menjadi dajal dalam negara ini mempertikaikan perkara-perkara ini.

Kalau dibezakan di Negeri Thailand, bahasa Thailand yang menjadi bahasa rasmi tidak bahasa-bahasa lain. Kalau pergi ke Philippines, bahasa Philippines menjadi bahasa rasmi, begitu juga di negeri-negeri lain, tetapi kenapa kita di sini masih lagi ada yang hendak mempertikaikan padahal kita sudah sama-sama bersetuju, tetapi mungkin juga, saya kadangkala ingin menasihatkan Kerajaan kerana kita terlalu memberikan peluang, terlalu banyak parti politik ditubuhkan dalam negara kita **ini**, makin banyak macam cendawan tumbuh, makin banyak perangai dan kelakuan dan pengaruh yang berupa pengaruh-pengaruh negatif, cuba menghuru-harakan pemikiran rakyat, maka perkara-perkara ini timbul.

Kenapa kita tidak mencari jalan kembali balik kita kepada satu suasana, semangat tahun 1952, semangat di mana kaum Melayu, kaum Cina, kaum India ketika kita duduk bersama-sama untuk mencapai kemerdekaan dan kita tidak mempunyai perasaan iri hati di antara satu sama lain. Tetapi kenapa kebelakangan ini masing-masing cuba bercakap kaum masing-masing. Saya paling hairan, paling pelek, kenapa perkara ini berlaku, tidakkah kita cerfikir apa akan jadi kepada generasi kita akan datang pada sepuluh, dua puluh tahun yang akan datang kalau kita masih bercakar-cakaran, kalau orang Melayu masih mengatakan orang Melayu mesti dapat ini orang Cina mengacakan orang Cina mesti dapat ini, orang India juga mengatakan begitu, kalau kita masih bercakap masalah memperjuangkan kaum masing-masing,

sudah tentu hasrat dan cita-cita Kerajaan yang murni itu tidak akan tercapai.

Saya takut kalau perkara ini berlarutan, generasi kita akan datang dua puluh tahun, tiga puluh tahun akan datang akan menyumpah kita semua ini ketika kita berada dalam kubur, kerana kita adalah tidak bertanggungjawab untuk menyelamatkan mereka ini sebagai pewaris dalam negara Malaysia kerana ketika kita hidup mewah, kita bercakaran antara satu sama lain. Mahukah kita jadikan negara kita sebagai Philippines di dalam keadaan huru hara selalu, patut kita bersyukur dalam negara Malaysia yang begitu aman, siapa banyak duit pun boleh keluar tengah malam tidak ada orang ganggu, hendak pergi enjoy sana sini pun tidak ada orang ganggu, rumah tidak ada guard pun tidak ada orang ganggu, kalau adapun yang kena kecurian, kalau dari segi orang Melayu itu mungkin dia tidak bayar zakat ritrah, itu sebanya dia kena curi.

Banyak rumah tidak kena curi dia seorang kena curi, sebab apa, mungkin itu satu dendaan dari Allah s.w.t. Begitu juga kaum-kaum lain, kalau dalam seratus rumah yang dekat-dekat **itu**, rumah dia yang kena curi, mungkin orang ini 'actionkah', dia berlagakkah, dia sombongkah dengan jiran-jiran, sebab itu bila dia menjerit-jerit, terlaung-laung ditengah malam, jiran langsung tidak pedulikan dia, sebab tidak ada sikap kejiranan, tidak ada langsung sikap hendak hidup bertoleransi antara satu sama lain, masing-masing ingin hendak bawa diri, ibarat enau dalam belukar ingin melepaskan pucuk masing-masing. Dan sikap macam ini kita tidak mahu, selagi ada sikap-sikap macam ini selagi itu akan tumbuh dan akan muncul berbagai-bagai corak pemikiran yang negatif kerana pemikiran yang macam ini yang

akan boleh menghuruharkan keadaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendoakan dengan terlulusnya Rang Undang-undang ini supaya mahkamah-mahkamah mahupun Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah akan dapat mempergunakan Rang Undang-undang ini dengan sebaik-baiknya supaya ianya menjadi contoh sebenar-benar contoh bahawa negara Malaysia sudah cukup lengkap dengan berbagai-bagai perkara yang dihajatkan daripada mula ianya bercita-cita untuk hendak mendapatkan kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah sekali lagi sebelum saya duduk untuk memberi peluang kepada kawan-kawan lain berucap, saya berharaplah saya mahu lihat, mahu dengar Senator-senator dari parti-parti lain juga turut membahaskan Rang Undang-undang **ini**. Apabila kita telah membahaskan Rang Undang-undang **ini**, telah diluluskan jangan siapa-siapa mempersoalkan lagi, kita mesti sama-sama bertanggungjawab kerana Rang Undang-undang ini bukan perkara main-main, ini untuk kita pergunakan untuk kepentingan negara, bukan untuk kepentingan rumahtangga, kepentingan negara yang mana akan dipergunakan oleh semua kaum lapisan masyarakat.

Jadi, saya berharap dan dengan adanya Rang Undang-undang ini lebih melatih kita bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Kadangkala ada yang separuh itu tidak boleh bercakap dengan baik tetapi bila bercakap English boleh bercakap dengan baik. Ini yang saya pelik, kenapa. Dengan izin, why this thing can happen [**Ketawa**], kenapa perkara ini boleh berlaku. Bercakap English, wah punya terror, kadang-kadang orang Inggeris sendiri pun malu dia punya bahasa, dia punya cakap, punya tinggi, punya baik dengan tersusun tetapi bila

bercakap Bahasa Malaysia, bercakap Bahasa Kebangsaan dia tidak boleh menyebut perkara itu dengan betul. Adakah kerana tidak minat hendak belajar? Bila kita kata, oh, awak bukan warganegara Malaysia, oh,

Siapa cakap saya bukan warganegara Malaysia? Saya dilahirkan di sini, saya beranak di sini. Saya punya datuk, nenek moyang semua sini. Tetapi bila kita cakap, kenapa awak tidak pandai cakap Melayu, tidak pandai cakap Bahasa Kebangsaan? Saya malas belajarlah. Oh, bahasa Inggeris awak rajin belajar! Jadi, inilah satu perkara yang menjadi tandatanya kepada saya. Begitu juga bukan ini saya menuduh kaum-kaum lain, kaum Melayu pun begitu. Kadang-kadang sudah tidak hendak bercakap Melayu dengan anak-anak pun cakap orang putih, apa hal? Patut kita persembahkan, itu sebabnya saya selalu menasihatkan, kalau benda ini hendak dilakukan dengan sepenuhnya, pemimpin-pemimpin kena tunjuk teladan. Kita tidak menafikan bahasa Inggeris sebahagian bahasa yang penting juga, sebagai passport seperti kata Dato' Haji Zakaria, sebagai passport untuk kita pergi ke negara-negara luar. Tetapi di samping kita mempelajari bahasa Inggeris, kita mesti menentukan Bahasa Kebangsaan adalah merupakan satu bahasa yang patut sentiasa dalam kepala kita. Jadi, ada yang saya nampak cuma lebih mementingkan anak keluar negeri, belajar bahasa Inggeris, lupa bahawa anak kita ini akan mewarisi kepimpinan dalam negara Malaysia. Apabila dia sudah asyik belajar cakap Inggeris, maka dia sudah lupa bahasa ibundanya sendiri, Bahasa Kebangsaannya sendiri, bahasa negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin juga menyentuh kepada Peguam-peguam yang tidak bersimpati di dalam Rang

Undang-undang ini untuk dipergunakan dalam mahkamah. Saya mintalah mereka ini sebagai Peguam, sebagai mereka yang tahu dengan undang-undang jangan menimbulkan masalah yang boleh dianggapkan satu masalah mendatangkan satu pengaruh yang negatif kepada rakyat jelata, kerana apa yang nampak saya terutamanya pihak DAP, peguam-peguam yang menyertai, yang menyokong Barisan Nasional, seraun peguam baik-baik, ini peguam yang DAP ini dengan Karpal Singhnya, dengan Pattonya di sebelah terpekik-pekik, entah apa yang dipekiknya dan saya hairan bila sampai pilihanraya kenapa rakyat mahu menyokong jenis manusia macam **ini**, pemimpin macam **ini**, apa kerja dia datang di Dewan, dia bukan bercakap untuk membaik, membina rakyat, dia hanya datang buat kacau dalam Dewan, berani mencabar Dato' Speaker, berani mencabar Timbalan Speaker, ini sudah satu kelakuan biadap.

Adakah pemimpin yang hendak kita lantik duduk dalam Dewan yang membuat undang-undang untuk rakyat jenis pemimpin yang berkelakuan semacam ini? Saya hairan kenapa rakyat masih lagi mahu memilih orang-orang macam ini. Tengok Dewan Rakyat dalam sepanjang bersidang 2-3 hari ini asyik ditangguh, ditangguh kerana hendak mengeluarkan puaka-puaka dua orang ini, kaki kacau dalam Dewan. Saya kadang-kadang marah juga Kerajaan kita ini terlalu berlonggar sangat. Sepatutnya kita hendak mengamahkan negara, bila jumpa manusia-manusia yang macam ini berkeliaran untuk mencari pengaruh dan mendatangkan pemikiran negatif mengajar rakyat jahat, mengajar rakyat biadap, jangan lepaskan dia, simpan dia di dalam. Kalau sudah keluar daripada ISA, masukkan balik, dalam pun dia ada makan. Kalau dia hendak berjuang, biar dia berjuang dalam **itu**, beri dia satu bilik gelap, biar dia bercakap seorang-seorang dalam **itu**. Tetapi bila dia dilepaskan, inilah keadaannya, rugi Kerajaan beri elaun, dia datang buat kacau, bukan bercakap untuk faedah rakyat. Nasib baiklah kita ini semua yang ada dalam Dewan Negara ini tak ada jenis manusia semacam **itu**, tetapi kalau ada jenis manusia macam **itu**, memang tak boleh tempoh Dewan Negara ini sebab orang yang duduk dalam Dewan Negara ini adalah orang-orang yang sudah dipilih semuanya orang baik-baik. Kalau tak baik, takkan duduk dalam Dewan Tertinggi **ini**. Tak ada Dewan lagi yang lebih tinggi daripada **ini**, inilah Dewan Negara. Maka itu sebabnya walaupun Senator Melayu, Senator daripada kaum Cina, Senator daripada kaum India, kaum Iban, Kadazan, semuanya sudah dipilih jenis manusia first class yang duduk dalam ini. Kalau syurga, ini kira syurga yang paling baik.

Kita anggaplah kita ini juga syurga dunia, macam Dato itu Penghulu syurga kita [**Ketawa**].

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah bercakap semalam dan hari ini, saya hendak beri kepa orang lain sebab saya pun tadi sudah minta kalau boleh semua Senator-senator bercakap, terutama kita hendak dengar daripada peguam kita mewakili GERAKAN, Dato Chan kita dan juga Doktor kita mewakili MCA dan yang lain-lain. Apabila Tuan-tuan bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini, maka ini sebagai satu tamparan kepada DAP, tamparan kepada Semangat 46, tamparan kepada mereka yang sentiasa hendak mencari jalan untuk hendak menghalang apa juga dasar-dasar Kerajaan yang cantik, yang murni untuk rakyat jelata.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah, suara saya pun sudah mula serak, sudah haus, cukuplah untuk peluang saya bercakap. Sebelum saya duduk, sekali lagi, pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang saya dua kali bercakap semalam dan hari ini. Yang kedua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Dr Sulaiman kerana membentangkan Rang Undang-undang ini dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon.

3.54ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk mengambil bahagian dan membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 63/67 yang saya rasa ia merupakan satu Akta yang sangat penting bagi negara dan bangsa di Malaysia ini.

Saya juga turut seperti rakan saya, Senator Azman Atar mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dengan rasa syukur kepada Allah di atas kesedaran dan di atas penerimaan Kementerian Kehakiman yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Dr Sulaiman Daud, seorang yang saya kenali juga amat mencintai negara, bahasa dan bangsa kerana telah bersetuju untuk Rang Undang-undang ini diperbetulkan dan diperketatkan dari undang-undang asalnya. Sudah lama terutama kami wanita-wanita, kami yang menjadi ibu kepada generasi-generasi, bukan sahaja daripada satu kaum kerana saya dilahirkan oleh Allah dari keturunan Melayu, bukan saya dan wanita Melayu sahaja yang merasa terlalu terkilang, sedih dan kadang-kadang naik geram dengan keadaan nilai Bahasa Kebangsaan itu daripada penggunaan oleh rakyat, juga oleh pihak perundangan dan juga penggunaannya di kalangan terpelajar-terpelajar intelektual di negara kita **ini**. Kami merasa sedih kerana seolah-olahnya mereka tidak ada keyakinan dengan Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa perhubungan dan bahasa ilmu. Ada juga kawan saya yang daripada Tionghua dan daripada kaum India sependapat dengan saya dan wanita-wanita Melayu khasnya dan juga pandangan pihak-pihak yang cintakan negaranya yang menyatakan memang wajar, memang patut, memang mesti diwajibkan Bahasa Kebangsaan itu dihayati oleh setiap rakyat oleh setiap peringkat dan kemudian ianya dijadikan juga sebagai bahasa utama dalam semua pentadbiran negara, termasuklah yang berkaitan dengan mahkamah-mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta ini menyebut begini:

"Segala prosiding selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan:"

Cantik, Cepat dan disokong penuh. Tetapi ada di bawahnya:

"Dengan syarat....."

Inilah yang kita rasa keliru lagi:

"Dengan syarat bahawa mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi .."

Seorang saksi ini kita setuju, sebab semua saksi mungkin saksi itu tak faham bahasa, dia Orang Asli, dia orang lain, barangkali okaylah. Tetapi sambungnya:

".....dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris,.....".

Sebelum itu ada lagi teruk, tetapi telahpun digubal pindaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong penuh dengan rasa kesyukuran dan bangga mengenai Akta ini, saya masih ada rasa terkilan dan bimbang mengapa setiap benda yang kita hendak luluskan demi untuk kepentingan keseluruhan imej perpaduan rakyat, kita mesti ada sahaja lubang-lubang halus ini, kelonggaran-kelonggaran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kepada yang menghayati akan perkataan "warganegara Malaysia" ini tidak merunsingkan, mereka dengan sendirinya akan bangga dengan dirinya, dengan kaum keluarganya, masyarakat di kelilingnya, bangsanya, agamanya dan dalam keseluruhannya itu negaranya, juga bahasanya. Tetapi kepada al-malaun-al-malaun macam yang disebutkan oleh sahabat saya tadi yang sentiasa sahaja digolak semangatnya, yang sentiasa sahaja dipengaruhi dengan cara-cara sentimental, sentimen yang kuat daripada Parti Pembangkang, dahulu satu sahaja yang begitu perangnya, sekarang sudah dua, tiga pan sudah ada yang tidak senang dengan Bahasa Kebangsaan ini kerana mereka ada niat-niat tertentu yang lain, ini mereka akan ambil kesempatan.

Yang paling saya terkilan dan rasa ragu-ragu ialah Majlis Peguam kita sendiri tidak menyokong 100% mengenai Akta **ini**. Satu contoh, waktu kita hendak membincangkan perkara-perkara **ini**, Majlis Peguam antaranya, bukan semua, Majlis Peguam satu badan, peguam-peguam antaranya berketak hebat mengatakan tidak boleh Bahasa Kebangsaan dipakai di mahkamah kerana Bahasa Kebangsaan ini tidak layak digunakan di mahkamah kerana tidak ada perkataan-perkataan yang dalam bahasa Inggeris itu yang diterjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan yang tepat. Ini boleh menyebabkan penganiayaan, kurang keadilan. Demikian suara-suara sumbang kita dengar, satu penghinaan, tidak ada keyakinan kerana pepatah Melayu mengatakan 'tidak kenal maka tidak cinta' tetapi kepada mereka ini kenal tetapi tidak cinta, mengapa? Kerana mereka ada cinta yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ada terselit perasaan yang tidak senang dengan Bahasa Kebangsaan **ini**. Langsung tidak ada penghayatan untuk menjadikan bahasa itu sebagai bahasa perhubungan atau sebagai bahasa ilmu. Padahal, universiti-universiti kita terutamanya Universiti Kebangsaan Malaysia, para cendekiawan-cendekiawan kita bukan sahaja daripada buniputera; tetapi juga daripada warganegara Malaysia yang lain, professor-professor dari orang-orang Cina, orang-orang India, orang-orang Melayu telah menyediakan berbagai-bagai terjanahan, berbagai terjemahan mengenai perundangan, mengenai ilmunan dalam Bahasa Malaysia yang dikatakan oleh mereka sendiri dan orang-orang yang mahu menghayati Bahasa Kebangsaan ini bahawa lebih mudah, lebih senang dan lebih selesa digunakan.

Saya bimbang bila ada perkataan ini mulalah malaun-malaun ini nanti apabila mereka tidak gunakan bahasa ini dia pun bawa kepada akta sebab dalam Akta menyebutkan, mengatakan di sini dengan syarat, maka syarat ini yang akan dikekalkannya 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun mungkin 100 tahun. Sebab itu barangkali belum dapat lagi mencapai matlamat hendak meletakkan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa yang berdaulat sesungguhnya kepada rakyat dan kepada perkara-perkara pentadbiran, juga perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmunan. Mungkin kerana kita ini terlampau linien, Tuan Yang di-Pertua, dengan Izin, terlampau lembut kerana kita banyak memikirkan sopan santun, banyak memikirkan timbang sana, timbang sini, toleh kanan, toleh kiri, bermesyuarat, bermuzakarah. Saya setuju, tetapi tidak semua perkara yang boleh dimuzakarahkan. Kepada al-iblis, assyaittan, muzakarah tidak masuk. Tidak ada gunanya kepada mereka, sebab mereka tidak kenal perkataan ini. Yang kenal pada mereka ialah akta. Apabila diaktakan itu pun mereka langgar, mereka langgar bukan sahaja dengan basikal tetapi juga dengan bulldozer kadangkala, berlaku ini.

Pendapat saya, tidak patut diadakan lagi perkara-perkara ini, tetapi mengenai saksi, saya setuju sebab mungkin saksi itu kebetulannya orang-orang yang belum ada pendedahannya dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan. Katalah yang umur 80 tahun, mungkin dia bukan daripada bumiputera, dia tidak pandai bercakap bahasa dan tidak dapat hendak menyampaikan hasratnya itu melalui bahasa kerana itu sangat penting bagi keadilan. Tetapi yang lain-lain itu, lawyer mesti boleh menguasai Bahasa Malaysia. Hakim apatah lagi, pendakwa raya memang handal, saya fikir. Jadi, tidak ada sebab kita beri lagi perkara ini. Namun begitu, jadilah sekurang-kurangnya

sudah ada akta yang boleh mereka itu jadikan sebagai satu panduan bahawa mereka tidak boleh lagi berleluasa menidak-nidak, mengkecil-kecilkan bahasa Kebangsaan semata-mata kerana mereka itu tidak ada penghayatan, Tuan Yang di-Pertua.

Syabas, saya ucapkan memanglah begitu caranya kita di Malaysia, Kerajaan kita ini memerintah. Sebenarnya kita memang tidak pernah membuat perkara yang tergesa-gesa, terburu-buru atau dengan maksud mamaksa. Tetapi fikirkanlah apakah sudah sesuai cara ini kita jalankan terus, sedangkan Pembangkang-pembangkang yang mengatakan demokrasi sudah mati, tetapi Dewan Rakyat, menjerit-jerit seperti monyet yang terang-terang melanggar semua aturan Peraturan Mesyuarat di Dewan yang melakukan beberapa perkara-perkara yang biadab, yang di luar daripada tata susila seorang yang dipanggil berpelajaran. Biasanya perkara begitu dibuat oleh orang-orang yang kurang siuman atau kadangkala orang yang sudah ditagihi oleh dadah. Saya jadi terkejut, sangat terkejut, apabila loyar-loyar daripada DAP membuat perkara-perkara yang sangat bercanggah dengan apa yang mereka kata, kononnya merekalah yang paling bijaksana dalam perundangan, merekalah yang paling adil daripada Kerajaan dan daripada undang-undang yang, ada di negara kita ini. Tetapi mereka itulah yang merupakan kumpulan penghasut yang selalu sahaja memutarbelitkan kenyataan dan, sentiasa sahaja menyelewangkan kenyataan, mempengaruhi rakyat ramai menjadi penentang dan menjadi ekstrimis-ekstrimis.

Tuan Yang di-Pertua, kita berlembut lagikah dalam hal ini? Saya ingin menarik perhatian mengenai satu perkara lain dalam hal ini. Di tangan saya ada guntingan akhbar daripada Utusan Melayu, 11.12.198, tajuk Perundingcara Diraja Britain, menggesa Malaysia mansuhkan Akta ISA. Siapa orang ini, di mana dia bercakap?

Tuan Yang di-Pertua, yang berikan ini Perundingcara Diraja, Queen Council, dengan izin. Namanya Geoffrey Robertson. Dia bercakap di sebuah seminar yang dianjurkan oleh Majlis Peguam. Majlis Peguam - minta supaya dimansuhkan mengenai Akta ISA, minta supaya mansuhkan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, minta Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948 semuanya dimansuhkan, kononnya Rang Undang-undang itu menyekat kebebasan bersuara dan akan menafikan keupayaan rakyat untuk menilai baik buruk sesuatu perkara itu setelah 32 tahun negara ini merdeka. Amboi! cantiknya alasannya.

Saya percaya, Majlis Peguam itu yang hadir pada hari itu banyak orang-orang DAP. Demikian bunyinya, sedangkan dalam adanya Akta ISA, dalam adanya Akta Mesin Cetak dan dalam Akta Rahsia Rasmi manusia-manusia ini masih boleh berkurang ajar, masih boleh menonjol-nunjul muka Perdana Menteri menggunakan perkataan yang rendah dan hina, masih boleh berlaku seperti monyet kena belacan, bagaimanakah kalau tidak ada? Apakah yang mereka minta kebebasan untuk mereka membuat apa mereka suka tanpa memikirkan kepentingan rakyat jelata dan kesejahteraan negara. Begitu juga dengan Akta Bahasa Kebangsaan, kalau boleh mereka juga mahu jangan gunakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah, memadailah digunakan di sekolah-sekolah pendidikan, sebab mereka juga menyuarakan berbagai-bagai perkara lain yang menyinggung perasaan kita, yang menyinggung perasaan rakyat, kalau dia betul mengakui dirinya warganegara. Balik kepada perkara Perundingan Diraja dari Britain ini, saya ingin sentuh sedikit jugalah. Sibuk sangat hendak membetulkan kita ini mengapa? Mengapa dia tidak nasihatkan pihak-pihak tertentu di Britain di sana supaya betulkan betul apa yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun menyeleweng, tetapi ini satu contoh bagaimana tentangan-tentangan dikemukakan termasuk juga Akta kita ini - Akta bahasa di hadapan kita **ini**. Kenapa mereka ini tidak hendak betulkan masalah yang berlaku di Northern Ireland umpamanya - Ireland Utara dan kenapa mereka itu tidak dapat hendak mencegah kewujudan IRA, iaitu dengan izin, 'Irish Republican Army' dan kenapa dasar mereka mengenai Aparteid di Afrika Selatan mereka tutup mata? Lagi kejam daripada ISA, lagi kejam daripada kita hendak meletakkan Bahasa Kebangsaan di mahkaman-mahkamah sebagai bahasa perundangan - bahasa perundangan untuk perundangan dan keadilan. Mengapa mereka ini memejamkan mata dan pura-pura tidak tahu segala perkara yang berlaku di Aparteid sana?

Tuan Yang di-Pertua, sekaitan dengan ini kerana ada kaitannya dengan Akta ini, saya rasa saya hendak abadikan satu pantun atas sikap tidak senang saya dengan Majlis Guaman menjemput orang-orang luar dan tindak-tanduk mereka mengenai Bahasa Kebangsaan **ini**, iaitu:-

CHOGM di Malaysia masyhur namanya,
dunia kagum Perdana Menteri kita,
bila berbadapan setuju semuanya,
pusing belakang lain bicara.

Ini berlaku dalam CHOGM, oleh Perdana Menteri daripada Britain itu sendiri. Jadi ketara hendak mengajar anaknya jalan betul **ini**. Kita sama sekali, saya percaya sesiapa yang cintakan keadilan, cintakan kedamaian, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan tidak akan menyokong dan malahan mengutuk apa yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkaitan ini. Kita juga mengutuk keras kepada mereka

yang tidak bersetuju Akta mengenal Akta Bahasa Kebangsaan di mahkamah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia ini secara keseluruhan. Saya dapati kesemua Akta-akta kita yang kita buat sebelumnya di zaman penjajah hingga sekarang ayat-ayatnya kedapatan berbelit-belit sedikit dan kadangkala maksudnya - hendak sampai kepada maksudnya itu, ayat itu jauh sangat perginya dan sukar difahami. Saya ingin dapat pandangan dan penjelasan daripada Dato' Menteri kita apakah tidak boleh Akta-akta yang kita hendak pinda yang dahulu itu sudahlah sebab mungkin dibuat oleh loyar-loyar yang pada masa itu menterjemahkan Undang-undang ini dengan Bahasa Melayu yang agak lama kemudian berbelit-belit baru sampai kepada maksudnya, tetapi yang kita pinda ini atau yang telah kita ubah ini tidakkah boleh kita membuatnya dalam bahasa yang jelas, terang, kemudian tepat kepada maksud dan matlamatnya.

Saya tidak dapat memberikan contohnya kerana saya tertinggal nota saya, iaitu bagaimana ayat ini berbelit-belit bunyinya. Umpamanya macam satu ayat **ini**, ada satu ayat di dalam Akta meminda Timbang dan Sukat, mungkin ini sukar difahami oleh orang-orang yang memerlukan Akta ini atau yang hendak menjadikan Akta ini sebagai panduan. Saya memberikan pandangan ini mudah-mudahan Menteri Kehakiman dapat memberikan perhatian mengenai bentuk dan mengenai susunan bahasa bagi Akta-akta atau apa sahaja Rang Undang-undang yang dipinda supaya ia lebih mudah difahami, tepat pada maksudnya dan menggunakan ayat-ayat yang pertengahan - tidak ayat yang tinggi dan berbelit-belit, yang kalau silap baca pergi ke lain maknanya.

Menyentuh perkara mengenai bahasa, kita juga tidak nafikan perkembangan Bahasa Kebangsaan yang kian hari kian cerah dan kian mendapat tempat serta telahpun banyak dihayati oleh rakyat jelata terutamanya pelajar-pelajar atau anak-anak kita yang bersekolah di bawah satu bumbung, tetapi adakah sedar atau tidak Kementerian Pendidikan khasnya dan Kerajaan amnya mengenai beberapa pencemaran kepada bahasa itu sendiri? Bahasa Kebangsaan dahulu dipanggil Bahasa Melayu, sekarang dijadikan Bahasa Kebangsaan dan dikenali dengan Bahasa Malaysia. Bermakna walau dia Mutusamy ataupun dia Ah Chong, atau dia Maimunah atau Muhammad; itulah bahasanya," iaitu Bahasa Malaysia,

Terdapat beberapa pencemaran bahasa di dalam buku-buku yang digunakan sebagai buku teks tambahan di sekolah-sekolah terutamanya sekolah rendah. Saya ingin bertanya adakah atau tidak perkara ini disedari dan diteliti oleh pihak Kementerian Pendidikan. Saya pun arif bahawa di Kementerian itu ada Jawatankuasa yang menghalusi buku-buku, tetapi bagaimana yang dicetak oleh mereka yang mendapat kebenaran luaran? Satu daripada ayatnya yang saya masih teringat daripada buku cucu saya berbunyi begini:-

'Saya ada seorang adik. Adik saya suka memakan roti.'
'memakan roti' dari nahunya telah salab dan ada lagi ayat-ayat lain daripada segi nahunya sama sekali tidak betul - sama sekali bercanggah dengan nahu Babasa Malaysia yang tinggi nilai dan indah ini. Kalau ini kita biarkan dari kecil-kecilan, ia akan jadi besar-besaran dan kemudian nanti bahasa kita didaulatkan sebagai Babasa Malaysia - Bahasa Kebangsaan, tetapi mutu bahasa itu pula turun kerana jadi rojak. Nahunya lintang-pukang. Sama juga seperti

Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris terkenal sebagai bahasa dunia kerana mereka sentiasa menjaga kualitinya walaupun bahasa itu ada campurannya dan cedukannya daripada bahasa-bahasa lain, tetapi nahunya tetap dijaga.

Kalau kita bercakap dengan orang Inggeris dengan nahu yang salah, dia serta-merta akan menegur kita - akan menegur kita dengan berbisik atau kadangkala merah mukanya kerana marah bahasa yang kita cakap Itu tidak mengikut nahunya - grammarnya dan mereka sentiasa mempertahankan prestig ini tetapi tidak dengan Bahasa Kebangsaan. Kalau apabila di dalam buku sudah begitu, pertuturan lebih lagi. Kita biasa kedengaran kalau kita bercakap dengan orang yang bukan daripada orang Melayu sendiri kita akan ikut dialect mereka.

..tadi malam lu
'..kalau orang India;pigi mana ha?

'eh, apa macam ha, ama ada baikkah? Itu aci itu rumah belakang punya ada baguskah?'

Jadi kita sendiri memberikan kebenaran seolah-olah, memberi persetujuan kepada pencemaran bahasa ini - bahasa lintang-pukang ini dan kadangkala bila seseorang bercakap dengan kita tersilap, kita tegur, yang berkenaan marah pula. Marah pula dia nanti dia bercakap dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, 'Wno are you, do you want to teach me?' - Tidak ada penghayatan pada hal kita hendak menegur dengan baik supaya dia dapat memahami bahawa Bahasa Kebangsaan itu ada kualitinya, ada nahunya. Kalau tidak bercakap yang tinggi, yang hari-harian pun biarlah betul pada nahunya," Tentulah tidak kena

kalau kata Bilo Ekonomi, belo - "r" jadi "1", tentulah tidak boleh kita terima keadaan seperti ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pencemaran bahasa satu bab **pen-**cemaran perkataan, pencemaran sebutan atau percakapan perlu juga diberikan perhatian. Kalau ada penghayatan kaca pepatah Melayu 'hendak seribu daya, tidak mahu seribu dalih'. Apabila kita hendak, kita boleh dapat, Uniknya kepada orang-orang DAP ini kepada yang kaki-kaki kacau yang biadap dalam Dewan Rakyat **itu**, mereka boleh menguasai Bahasa Malaysia - Bahasa Kebangsaan dengan fasih dan dengan teratur nahunya, tetapi penyokong-penyokong Bahasa Kebangsaan sendiri antara kawan-kawan saya di luar sana, dalam Dewan okay semua, masih tidak boleh lagi bertutur dalam Bahasa Kebangsaan yang baik atau yang sederhana. Tidak usahlah yang terbaik, yang baik, ertinya kalau bercakap itu tidak dikalahkan maknanya dan disebut dengah betul kemudian 'grammar'nya dengan izin, nahunya mengikut nahu bahasa itu sendiri. Saya menyeru kepada semua pihak, anggaplah Bahasa Malaysia bahasa kita, bahasa sendiri.

Kalau kita kasih pada diri kita, ada cacat celanya pasti kita segera hendak membetulkannya. Kalau dalam pakaian, terdapat ada sedikit habuk-habuk di baju, pasti segera sahaja kita membersihkannya. Kalau nampak tie kita kurang lawa, pasti kita akan tukarkan dengan tie yang lawa. Beginilah patutnya dibuat dalam Bahasa Kebangsaan ini. Maka itulah saya menyebutkan perkataan "penghayatan". Janganlah kita sekadar menanam tebu di bibir sahaja atau sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saperkara lagi yang saya ingin sentuh dari segi pencemaran bahasan ini ialah dari segi penulisan pula, sebab kalau bahasa kita ini tidak teratur, tidak ada dengan susun atumya, dengan undang-undang bahasanya yang tersusun, nanti orang akan menganggap bahasa kita ini bahasa yang tidak berkualiti, maksudnya bahasa yang tidak bermutu. Mereka dengan senang sahaja mengatakan, "ah! Bahasa Malaysia mana ada standard", sebab kemungkinan kesilapannya daripada penggunaan dan pencemaran ini. Mereka menilai, "ah! tengok, ini macam ini, ini macam ini, begitu".

Saya teringat dalam satu persidangan, kongeres mengenai Bahasa Malaysia yang diadakan baru-baru ini di negara kita yang dihadiri oleh negara-negara di dunia. Saya benar-benar kagum dan merasa terharu bahawa peserta-peserta dari negeri China (RRC) dan ada yang datang dari Germany, yang datang dari negara-negara Eropah yang lain berbicara, bercakap, berbincang, membentangkan Kertas Kerja dengan Bahasa Malaysia yang first class. Ini merupakan contoh bahawa Bahasa Malaysia itu boleh dijadikan sebahagian daripada bahasa yang

populer di dunia, boleh menjadi pasport di satu masa nanti sekurang-kurangnya bagi rantau ASEAN, kemudian naik kepada rantau Pasifik, kalau kita rakyat, Kerajaan sama-sama membinanya, sama-sama meletakkan, mendaulatkan Bahasa itu. Sebab ini mengikut trend. Kalau kita sendiri tidak memandang bahasa itu sebagai bahasa yang baik, bermutu, bahasa yang kita megahkan, maka ia akan turun sendiri nilainya. Seperti juga kisah menghisap rokok. Semua orang tahu bahawa menghisap rokok itu bahaya, mendatangkan kanser itu dan ini. Hari-hari keluar dalam televisyen atau suratkhobar.

Suami saya pun penghisap rokok, tetapi oleh kerana trendnya menghisap rokok itu satu benda yang dimuliakan, satu benda yang merupakan satu petunjuk atau kebanggaan dalam pergaulan, kepada menentukan yang dia itu seorang yang berkedudukan, maka sudah tidak lagi dihiraukan. Mereka terus menghisap rokok walaupun mereka tahu nyawa mereka akan tergugat dengan rokok **itu**. Ini yang kita takut. Kalau kita tidak mendaulatkan dan kemudian kita tidak hayati, perkara ini akan berlaku,

Syukur kepada Allah, sekarang dari segi mendaulatkannya telahpun dimulakan dan telahpun menampakkan kesan. Salah satunya ialah mengenai Akta **ini**. Tetapi kita harap dalam pelaksanaan Akta ini nanti, pihak Kementerian Kehakiman akan mengawasi sebenar-benarnya supaya jangan ada pihak-pihak mahkamah menggunakan Akta ini seperti lulus jarum lulus kelindan. Ertinya kerana mereka tidak mahu menghayati, tidak suka, tidak senang, maka mereka akan menggunakan para 8 (2) Akta ini sebagai satu senjatanya, lalu terus menggunakan bahasa Inggeris semana-mana lama, semahu-mahunya .

Agaknya mungkin satu cara juga patut kita harapkan iaitu Peguam-peguam yang lama ini bersara, datang peguam-peguam baru, mungkin mereka ini baru semangatnya, atau mana-mana yang merasakan dirinya tidak sesuai dengan apa yang ada di negara ini dia pun serangkat ke luar negeri berhijrah ke mana-mana. Ini satu kesyukuran kepada kita. Kemudian ada peguam-peguam baru yang akan menghayati segala-segala hak kenegaraan ini menggantikan mereka, mungkin barangkali ketika itu yang kita hajat, yang kita cita-cita ini akan dapat tercipta.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk merendahkan pihak-pihak yang berkenaan dengan tujuan sentimen. Tetapi apa yang saya perkatakan adalah melalui kenyataan, melalui pengalaman-pengalaman yang sangat menyakitkan. Kita harap pihak-pihak media sama ada media elektronik atau media cetak akan turut manbantu tugas-tugas ini, akan turut menghayati citarasa negara ini supaya rakyat semuanya dapat diberikan panduan, educate untuk mereka dari hari ke hari menimbulkan kesedaran bahawa sebagai warganegara Malaysia, mereka mesti bangga dengan negaranya, bangga dengan bahasanya dan bangga juga dengan keturunannya.

Terdapat satu contoh mengenai penggunaan bahasa **ini**, iaitu Indonesia. Indonesia mempunyai rakyat lebih daripada 253 juta, Malaysia hanya 15 juta, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pergilah ke Jakarta, kemudian pergilah ke Jokjakarta, Surabaya, Bengawan, Aceh atau mana-mana tempat kecil lagi seperti Bukit Tinggi atau Danau Toba, Kampung Samuel, mereka boleh bertutur dalam Bahasa Indonesia dengan fasihnya walaupun mereka keturunan Jawa, Batak, Cina,

keturunan dari Bengkulu yang ada bahasa ibundanya sendiri, tetapi fasih dalam Bahasa Indonesia, bahkan mereka berasa bangga, kalau mereka keturunan Cina, namanya Hartono Ang dan kalau dia daripada Jawa, nama jawanya Supardi, maka dia akan menambah lagi satu nama Indonesianya, menjadi Supardi Jono. Artinya dia orang Indonesia. Kalau kita bertanya, "dari mana pak?" "Oh! saya dari Indonesia" sedangkan rupanya seperti orang Tionghua dan dia mengakui bahawa dia adalah keturunan Cina dari Indonesia. Mereka boleh berbahasa Cantonese, Mandarin, Hokkien tetapi bila mereka berdepan dengan rakyat sama rakyat, mereka akan menggunakan Bahasa Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, eloklah kita hantar pegawai kita ke Indonesia mempelajari bagaimana mereka dapat menerapkan rasa kasih, cinta terhadap Bahasa Indonesia itu dan menjadikannya sebagai bahasa rasmi negaranya dan dihayati oleh 253 juta rakyatnya. Apa formulanya. Mengapa kita masih belum dapat hendak meningkatkan perkara ini? Tidak boleh dinafikan seperti kata sahabat saya tadi, memang ada konflik. Konfliknya ialah kita meletakkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, bahasa ilmu, bahasa dunia, passport, bahasa pengetahuan dan anak-anak kita di sekolah, kita memang terpaksa menggalakkan mereka supaya dapat mengawal, menguasai dan bijak serta lancar dalam bahasa Inggeris dan kerana itu mereka memerlukan latihan dan mereka terpaksa bercakap bahasa Inggeris sesama mereka atau dengan ibubapanya, kerana kita dapati dalam laporan Pendidikan Bahasa Inggeris banyak yang lemah. Jadi ada konflik di sini iaitu sebagai bahasa ilmu, kita mesti galakan bahasa ini di kalangan jenerasi kita. Tetapi bagaimanakah satu cara supaya mereka itu merasakan bahasa itu hanya untuk kegunaan tertentu, bukan sebagai satu bahasa kebanggaan.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, di sebuah klinik. Ramai orang di sana. Ada orang kita Cina, ada orang kita India, ada orang kita Melayu. Orang kita Melayu ini dari mereka yang kuat agamanya kerana menilai daripada pakaiannya. Saya telah terkajut bila saya memberikan, "Assalamualaikum", dia menjawab, "walaikumussalam". Selepas itu, saya bertanya mengenai anaknya. "This is my daughter only 3 months old." Bila saya bertanya apa masalahnya anak Cik Puan **ini**, dia jawab, "I don't know, she always cries, so I bring her to see itu doctor." Saya jadi tercengang, saya pandang atas ke bawah dan bapanya pula memanggil anaknya yang atas daripada itu namanya saya masih ingat, "Marzuki, come on, come here, come here dear. Sit down, sit down, quiet, be quiet"

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf kerana gangguan sebentar supaya saya boleh membuat sedikit pergunakan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat. [Tepuk]

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim **mempengerusikan mesyuarat**]

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Teruskan.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kerana perlantikan menjadi Speaker kita, maksudnya mempengerusikan Mesyuarat hari **ini**. Saya suka menyambungkan lagi sedikit mengenai huraian saya.

Apa yang saya perkatikan tadi ianya kembali kepada penghayatan. Saya fikir kawan-kawan yang macam **ini**, dia akan bercakap "ahlan wasahlan", cakap Arab tetapi tidak menggunakan bahasa Inggeris. Saya jadi tercengang dan terkejut dan saya terfikir apakah ramai lagi yang begini keadaannya? Saya percaya

yang pangkat adik-adik saya itu ramai keluaran daripada universiti-universiti luar negeri tetapi bila ini berlaku datangnya rasa ragu dan saya bimbang kalau-kalau ini menjadi amalan dan trend yang sebagai 'normal' maka ini akan merosakkan, menjejaskan nilainya serta hajat kita hendak menyatupadukan rakyat ini melalui satu bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja hujah-hujah saya dalam menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dengan penuh harapan bahawa Kementerian Kehakiman akan mengawasi pelaksanaan undang-undang ini berpandukan kepada cita rasa negara yang hendak mendaulat dan hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan itu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa ilmuan. Sekian, terima kasih.

4.34 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Tuan Yang di-Pertua, di seluruh Malaysia semua rakyat jelata menung faham negara Malaysia ini telah mencapai kemerdekaan 33 tahun dahulu. Jadi, dalam masa 33 tahun ini sekiranya seorang warganegara Malaysia atau rakyat jelata sampai hari ini belum boleh bercakap dalam Bahasa Kebangsaan, itu saya fikir jadi satu soalan yang besar. Sekiranya tiap-tiap rakyat ada ambil berat dalam Bahasa Kebangsaan, tiap-tiap hari belajar satu perkataan, telah cukup. Dalam 33 tahun telah boleh faham 12,045 perkataan. [Tepuk] Jadi, sampai masa sekarang, orang itu sudah boleh bercakap Bahasa Kebangsaan dengan lancar, tidak ada apa-apa masalah. Dengan semua orang malas, tidak mahu ambil berat dalam perkara **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap negara memang ada Bahasa Kebangsaan sendiri. Jadi, Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Malaysia, bahasa rasmi telah diterima oleh semua golongan terutama sekali oleh semua komponen Parti iaitu UMNO, MCA, Gerakan, MIC dan lain-lain komponen parti termasuk Parti Pembangkang. Tetapi pada hari ini soal ini timbul lagi. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita betul-betul demokrasi. Kalau tidak, perkara ini tidak boleh timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, memang Kerajaan ada memberi peluang kepada tiap-tiap orang termasuk Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, sekiranya mereka hendak menggunakan satu, dua perkataan dalam bahasa Inggeris boleh juga, buat demikian, dengan izin. Jadi, apa sebab pada hari ini ada orang menimbulkan perkara ini? Di Dewan Rakyat termasuk Parti Pembangkang, mereka bercakap menggunakan Bahasa Malaysia. Bukan mereka tidak tahu atau tidak faham. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah berjalan 33 tahun tempohnya. Tidak ada satu Kerajaan yang boleh beri masa begitu panjang sampai hari ini satu Akta meninda Akta Bahasa Kebangsaan baru timbul, ini memang benar dan patut dan kadang-kadang kita pun dengar di pejabat-pejabat kadang-kadang ada satu kali, dua kali pegawai-pegawai tertinggi gunakan bahasa Inggeris. Itu menyatakan bukan sengaja. Kena pada tempat mereka gunakan satu, dua perkataan. Itu tidak jadi masalah. Kalau kita ada ambil berat atas apa-apa perkara, saya fikir perkara itu mesti berjaya.

Jadi, saya harap Kerajaan kita dipilih oleh rakyat jelata. Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia, disambut oleh rakyat jelata, disambut oleh semua golongan sebagai Bahasa Kebangsaan. Perkara ini tidak boleh soal lagi. Jadi, kadang-kadang Kerajaan

kita terlupa juga. Kalau masa dahulu, selama tiap-tiap minggu ada Minggu Bahasa Kebangsaan, tetapi sekarang sudah lama tidak dengar ada Minggu Kebangsaan. Jadi oleh sebab **itu**, ada kebanyakan orang telah lupa tetapi mereka tidak patut lupa. Tiap-tiap orang sekarang yang hendak cari kerja, hendak minta sijil kerakyatan Malaysia, mesti lulus Bahasa Kebangsaan. Itu patut. Jadi, kita sebagai Senators, sebagai Wakil Rakyat, selama berjumpa orang yang bertanya kepada kita, "Apa sebab saya minta kerakyatan, minta anak saya masuk sekolah tinggi tidak dapat?". Kita jawab pada mereka, "oleh kerana Bahasa Kebangsaan tidak lulus," Jadi bila kita soal balik, "**Ini** salah siapa?" Mereka mengaku, terima, "Kita malas, tidak mahu belajar".

Saya bawa, satu contoh. Masa saya sekolah, saya tidak ada peluang belajar Bahasa Kebangsaan, tetapi kalau sekiranya satu orang ada inisiatif, saya masuk Kelas Dewasa dan guru saya saya boleh sebut di sini, sampai hari ini saya ucapkan terima kasih kepada Cikgu Salleh. Saya bawa dia mengajar saya selama satu tahun setengah sahaja. Jadi, kalau tiap-tiap orang hendak ambil berat, lebih kurang boleh cakap, boleh tulis. Kita bukan pakar bahasa, seperti saya, "saya masuk sekolah bila saya masih kecil dan belajar di Standard 1 dan 2 dan pada masa itu dengan izin, tidak ada Bahasa Kebangsaan. Jadi, kalau tiap-tiap orang buat contoh baik, ibu bapa buat contoh baik kepada anak mereka, saya fikir tiap-tiap orang boleh cakap dengan tulis Bahasa Kebangsaan dsngan lancar, dengan tidak ada apa-apa masalah.

Tuan Yaag di-Pertua, buat masa sekarang sayapun merasa di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan, masa mengajar Bahasa Kebangsaan pun tidak mencukupi, pada hari ini murid-murid Sekolah Rendah belajar Bahasa Kebangsaan tidak mencukupi. Jadi kita harap Kerajaan Malaysia kita, Kerajaan yang dipilih oleh rakyat jelata di masa akan datang, akan mengambil satu langkah yang panjang, yang betul untuk mengadakan guru-guru pakar, guru-guru yang baik, pakar Bahasa Kebangsaan untuk mengajar anak-anak kita. Jadi oleh sebab bahasa ini sangat mustahak, Menteri atau Kementerian Penerangan mestilah mengambil langkah, selalu memberi penerangan kepada orang ramai bukan kata Kerajaan kita hendak paksa orang belajar Bahasa Kebangsaan, ini sudah jadi satu hal yang benar tidak boleh dielakkan oleh sesiapa. Sesiapa yang tidak mahu belajar Bahasa Kebangsaan di masa akan datang mereka akan bertambah susah. Ini satu perkara yang benar.

Di Malaysia kita ada berbagai-bagai bangsa, kalau kita tidak gunakan satu bahasa rasmi, satu bahasa yang semua golongan faham, jadi macam mana kita boleh berhubung. Jadi, kalau seseorang boleh faham dalam Bahasa Kebangsaan, rakyat kita dapat lebih rapat dan perpaduan lebih rapat, oleh kerana kita boleh berhubung antara satu sama lain, sekiranya seekor ayam dan seekor itik macam mana mereka boleh bercakap, bila kita sudah faham satu bahasa untuk semua orang gunakan, jadi perpaduan boleh lebih baik antara semua golongan. Ini perkara betul, bukan di sini saya hendak puji sesiapa. Jadi pada

masa sekarang Akta ini hendak ubah memberi mahkamah satu masa.

Kita semua tahu kalau sekarang semua hendak hapuskan bahasa Inggeris belumlah sampai masanya oleh kerana Hakim-hakim Mahkamah kadang-kadang tidak menggunakan sedikit bahasa Inggeris, saya fikir tidak boleh oleh kerana mana-mana undang-undang. kalau tersilap, peguam-peguam sangat pandai mencari fasal, cari mana-mana salah. Jadi kitapun berharap tidak lama lagi, tidak berapa tahun lagi di mahkamah semua boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan, Peguam-peguam mesti belajar, suka atau tidak mereka mesti belajar. Mereka apabila sudah menerima Sijil Kerakyatan dan telah Sumpah Taat Setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Taat Setia kepada Negara kita tidak boleh elak-elak lagi, tidak boleh soal-soal lagi berkenaan Bahasa Kebangsaan - Bahasa Malaysia.

Di sini saya harap semua peguam-peguam faham, jangan bantah-bantah lagi. Kalau belum belajar Bahasa Kebangsaan balikhlah belajar, satu hari satu perkataan, satu tahun sudah 365 perkataan, jadi perlahan-lahan boleh jadi bagus, Bahasa Kebangsaan tidak susah hendak belajar.

Di sini saya berani cakap seperti saya kadang-kadang bercakap dalam Bahasa Kebangsaan tidak begitu bagus macam orang Melayu kita cakap, tetapi mahu tunjuk keberanian, mahu cakap selalu, kalau tidak mahu cakap bagaimana boleh pandai, salah sedikit tidak apa, betul tak? Manusta memang ada buat salah, jari kitapun ada panjang, ada pendek. Apabila kita cakap orang faham sudahlah, oleh sebab kita bukan pakar bahasa betul tak, Tuan Yang di-Pertua? Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormt bersetuju dengan saya. Jadi, saya harap semua Ahli Dewan Negara pada hari ini bolehlah cakap sedikit

sebanyak atas perkara ini.

Di masa yang akan datang, bila bil ini sudah diubah kita tidak mahu dengar ada orang soal lagi Bahasa Kebangsaan. Kalau soal lagi saya harap Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, jangan takut-takut. **[Ketawa]**

Malaysia kita hari ini kalau kita bandingkan dengan ASEAN yang lain, baru-baru ini Senator-senator pergi ke Filipina apa sudah jadi? Wah! mujur, nasib baik saya tidak pergi, kalau saya pergi, saya seorang gemuk, berbadan besar boleh jadi Filipina tembak terus habis. Ini saya ucapkan syukur kepada Tuhan, kalau kita bandingkan dengan negara jiran kita selalu berlaku pemberontakan.

Malaysia kita berbilang bangsa oleh kerana ada Bahasa Kebangsaan dan lain-lain cara muhibbah dan lain-lain, kita duduk di sini aman, awak hendak cari duit pergi cari, jangan curi sudah, bila keluar pintu sahaja nampak semua ada makan cukup, mana-mana boleh makan; makanan pun sedap dan murah, campur-gaul, Kalau kita tengok di Kuala Lumpur ada mini market semua campur-gaul, ada bangsa Melayu, ada bangsa India, ada bangsa China boleh campur-gaul, masing-masing jual masing-masing punya barang, tidak ada siapa buat pergaduhan, kacau tidak ada, jadi bila kita hendak cakap mesti menggunakan satu bahasa, Bahasa Kebangsaan. Jadi kalau kita hari ini tidak mahu jaga negara kita itu terpulanglah kepada mereka, kita tidak tahulah macam mana, ini kerja Tuhan. Memang kita hairan tiap-tiap 5 tahun sekali ada pilihanraya.

Di Malaysia sungguhpun ada rapat umum dahulu, sekarang tidak ada dengan cara ceramah sahaja. Awak marah saya, saya marah awak, sampai marah, tetapi tidak jadi pergaduhan bila siapa menang kita sokong, itulah 'gentleman' Malaysia punya orang. Kita sebagai

Malaysian, kita tidak kira siapapun, agama tidak kira, bangsa tidak kira, Malaysian mesti ada satu bahasa yang boleh difahami oleh semua rakyat jelata. Itu kita mahu. Jadi kitapun hendak ucapkan terima kasih kepada polis, pihak tentera yang menjaga keselamatan kita, sampai hari ini 33 tahun kemerdekaan kita tidak pernah berlaku satu perkara yang macam negara jiran kita berlaku betul atau tidak?

Beberapa Ahli: Betul.

Tuan Lau Keng Siong: Betul. Patut kita ucapkan syukur kepada Tuhan. Apa mahu lagi, makan ada, pakai ada, Masing-masing memang mahu cari kepentingan diri, itu tidak boleh cakaplah termasuk Semangat 46, dahulu sokong UMNO juga, sokong komponen parti, sekarang mengapa tidak mahu sokong. Perdana Menteri ada memberi peluang kepada mereka jadi Menteri pun tidak mahu, betul tak?

berapa Ahli: Betul.

Tuan Lau Keng Siong: Jadi kita harap orang Melayu, orang Cina dan orang India akan bersatupadu. Kalau kita bergerak, bekerja bersama-sama, selalu cakap Bahasa Kebangsaan, saya fikir negara kita boleh lebih maju, rakyat kita lebih maju.

Di sini saya akhiri ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Dato Chan Choong Tak.

4.51 ptg.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam dan bukan peguam baru dan seorang Senator, saya juga berdiri di sini menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bukan sahaja saya sebagai seorang peguam di sini menyokong, saya fikir rakan-rakan saya semua dalam Majlis Peguam-peguam (Bar Council) juga menyokong Rang Undang-undang **ini**, Oleh sebab **itu**, Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Kebangsaan yang digunakan dalam mahkamah itu tidak jadi masalah. Masalah hanya timbul jika sekiranya buku-buku dalam Bahasa Kebangsaan itu tidak cukup.

Maka di sini saya merayu kepada Kerajaan memberikan wang yang banyak supaya menggalakkan orang-orang yang mengetahui sesuatu sama ada undang-undang atau sesuatu subjek profesional untuk menulis buku-buku dalam Bahasa Kebangsaan. Sesiapa orang profesional yang biasanya tidak mahu gunakan buku itu kalau buku itu hanya buku terjemahan. Kalau buku terjemahan itu dibuat, pada amnya ada dua

tiga tahun terlewat, out-of-date. Maka apa yang kita hendak buat ialah merayu profesor kita dalam universiti, pensyarah-pensyarah kita membuat research dan menulis buku yang tulen supaya peguam-peguam itu dapat merujuk kepada buku-buku ini dan semua dapat menggunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti Senator Lau tidak ada peluang mempelajari Bahasa Kebangsaan dalam sekolah tetapi saya juga mengambil peluang untuk mempelajarinya dan telah lulus semua peperiksaan yang ada pada masa itu, Saya juga lulus peperiksaan Tingkatan V pada tahun 1960, di London bukan di Malaysia, dan juga lulus dalam peperiksaan Tingkatan VI satu dua tahun kemudiannya. Sungguhpun begitu pertuturan saya dalam Bahasa Malaysia barangkali tidak cukup fasih. Kalau pertuturan saya belum fasih, itu tidak bermakna saya tidak sukakan Bahasa Kebangsaan. Dan sebagai seorang bekas guru dan sebagai seorang bekas Guru Besar, saya tahu bukan semua manusia mempunyai kebolehan yang sama. Ada yang kebolehan kurang, sungguhpun dia mengambil masa dan hendak mempelajari bahasa itu, barangkali tidak dapat mempelajarinya sampai satu taraf yang boleh dia bertutur dengan fasih tetapi kita tidak boleh menyalahkannya bahawa dia tidak sukakan Bahasa Kebangsaan.

Oleh sebab itu, saya tahu pada masa sekarang ada juga banyak peguam-peguam yang mempelajari bahasa. Sungguhpun berbuat begitu tetapi sampai masa sekarang barangkali ada masa mereka tidak dapat membuat kes itu atau prosiding itu dalam Bahasa Kebangsaan, Oleh sebab itu, ada masa juga mereka hendak memohon supaya prosiding itu dibuat dalam bahasa Inggeris. Itu tidak bermakna bahawa peguam-peguam itu tidak menerima bahawa bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan.

Maka pada fikiran saya Rang Undang-undang ini hanya merupakan situasi yang ada sekarang. Yang ada sekarang peguam-peguam baru yang telah lulus daripada universiti tempatan sekarang ini semua fasih dalam bahasa, mereka dapat menjalankan. Ada peguam-peguam yang dahulu ada belajar bersungguh-sungguh tetapi untuk menjalankan kes yang **teliti** yang baik, barangkali mereka cuba memohon supaya kebenaran diberikan kepada mereka untuk menjalankan kes itu dalam bahasa Inggeris. Itu tidak bermakna mereka tidak sukakan Bahasa Kebangsaan. Maka ini tidak jadi masalah lagi, jangan kita timbulkannya lagi.

Bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan, semua rakyat Malaysia telah menerima dengan suka hati dan ini telah ditunjukkan bila kita tengok ibubapa-ibubapa menghantar anak-anak mereka pergi untuk mengambil, dengan izin, tuition classes dalam Bahasa Kebangsaan dan mereka menggunakan wang yang banyak supaya anak-anak mereka dapat lulus peperiksaan dalam Bahasa Kebangsaan, dan barangkali ada di antara mereka yang bodoh supaya dapat kertas kebocoran, bukan dengan tujuan apa, supaya anak mereka dapat lulus tetapi barangkali itu satu perkara yang bodoh.

Kita tahu semua rakyat Malaysia telah menerima dan oleh sebab itu saya fikir bahasa Melayu telah dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan, tidak timbul lagi, tak ada orang yang menyoalkannya tetapi kita mesti mengaku ada juga orang-orang yang tidak dapat bertutur. Kalau mereka seperti yang dikatakan oleh saya tidak dapat bertutur dengan fasih, bukan mereka tidak menerima bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan saya pun merayu kepada semua rakyat Malaysia, bahasa Melayu ini telah dijadikan sebagai Bahasa

Kebangsaan, maka ini adalah bahasa kita semua, bukan satu bahasa untuk satu golongan sahaja. **[Tepuk]**

Maka tiap-tiap orang rakyat Malaysia berhak mengembangkan bahasa ini. Bahasa Kebangsaan sekarang adalah satu bahasa yang hidup, yang berkembang. Kalau tidak cukup, kita boleh menggunakan perkataan-perkataan yang sering digunakan dalam negara kita untuk dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan. Misalnya, kalau dalam bahasa Cina, kalau seorang sudah jadi bankrap, kalau dia kata "po kai" - kalau selalu perkataan ini digunakan dalam tulisan kita dalam Bahasa Kebangsaan, lama kelamaan perkataan ini dapat diterima sebagai Bahasa Kebangsaan.

Maka di sini saya merayu kepada Kerajaan, gunakan wang lagi dan memberikan kemudahan-kemudahan lebih kepada sekolah-sekolah supaya kanak-kanak di sekolah-sekolah itu dapat kemudahan mempelajari bahasa, yang khas sekali di sekolah-sekolah yang bahasa penghantar-nya bahasa Cina atau bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya dapati dalam suratkhbar Tamil Nesan di sana ada tersiar satu artikel yang mengatakan sungguhpun sekolah-sekolah telah dibuka lebih kurang satu bulan, sehingga hari ini bahasa Kebangsaan tidak dapat diajar kerana belum ada guru-guru bahasa, maka begitu juga mungkin keadaannya di dalam sekolah Cina. Maka apa yang penting sekali bukan sahaja sama ada Orang terima atau tidak, semua orang telah terima seperti yang saya katakan. Apa yang kita hendak buat ialah kita yang mengetahui bahasa ini hendaklah kita menggalakkan orang lain supaya belajar bersungguh-sungguh. Kalau mereka tidak tahu, kita memberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka, dan Kerajaan berikanlah guru-guru yang berkelayakan dan kalau masa latihan itu tidak cukup berikan masa yang cukup bagi mereka.

Sekali lagi saya hendak mengulangi, Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan dan telah diterima oleh semua rakyat dan itu tidak jadi apa-apa masalah lagi. Yang jadi masalah ialah hanya kekurangan buku-buku profesional untuk orang-orang profesional, guru-guru yang berkelayakan dan kemudahan-kemudahan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar Lajim: Dato' Azumu bin Tak.

5.02 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta bercakap tentang Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan saya memberi sokongan penuh supaya ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menghairankan kita adalah ada juga pihak-pihak seperti apa yang disebutkan oleh Menteri semalam yang masih berdegil, yang masih menganggap bahawa kemunduran ekonomi adalah disebabkan menggunakan Bahasa Kebangsaan. Ini adalah

perkara-perkara yang ganjil yang tidak dapat kita terima. Kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kehakiman kerana telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan menggunakan bahasa Kebangsaan di Mahkamah. Kita berharap mereka akan turut berjaya, cuma harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah apabila sesuatu kes itu dibicarakan di mahkamah, di peringkat mahkamah manapun sama ada di peringkat Mahkamah Majistret, Mahkamah Session, ataupun Mahkamah Tinggi, bagaimanakah, saya ingin bertanya kepada Kerajaan jika sekiranya kes itu membawa perkara perjanjian-perjanjian yang sudah ditulis terlebih dahulu dengan bahasa Inggeris.

Jika perjanjian-perjanjian jual beli rumah misalnya yang ditulis dalam bahasa Inggeris oleh peguam-peguam, dibawa dan ditunjukkan di hadapan Mahkamah untuk dibicarakan kss seumpama itu, mengikut undang-undang yang ada di hadapan kita, kita berharap supaya semua perkara itu dibicarakan di dalam bahasa Kebangsaan. Jika ada surat-menyurat, perjanjian-perjanjian di dalam bahasa Inggeris **ini**, maka kemungkinan sebahagian daripada perbicaraan itu akan dilakukan di dalam bahasa Inggeris dan sebahagian daripadanya di dalam bahasa Kebangsaan. Mungkin ini dibolehkan mengikut undang-undang yang ada di hadapan kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati kerana jika ianya perkara yang kecil seperti yang saya kata, dalam masalah jual beli rumah atau jual beli tanah, di mana perkara itu haruslah dibicarakan dengan sepenuhnya di dalam bahasa Kebangsaan.

Harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah supaya jika ada kes seumpama ini Hakim-hakim yang berkenaan barus menolak surat perjanjian itu dan meminta peguam yang berkenaan menterjemahkannya di

dalam bahasa Kebangsaan dan barulah kes itu dibicarakan, Amatlah ganjil kalau kebiasaan yang dilakukan pada hari ini bahawa peguam cuma menggunakan bahasa Kebangsaan apabila membuka kesnya sahaja, membuka kesnya di hadapan Hakim yang berkenaan tetapi di tengah perbicaraan terus berbicara di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa pihak peguam masih belum bersedia dengan sepenuhnya tetapi dengan kehendak undang-undang dan kehendak Kerajaan, saya yakin ini dapat dilakukan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin bertanya, bahawa pada masa ini jika ada kes-kes yang besar yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi, kadangkala peguam-peguam luar negeri diambil untuk mewakili orang-orang yang tertuduh itu. Tuan Yang di-Pertua, kadangkala mahkamah membenarkan supaya peguam-peguam luar negeri ini boleh mewakili orang-orang yang tertuduh itu di dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi. Dengan undang-undang yang ada dihadapan kita **ini**, maka saya yakin peguam-peguam luar negeri ini tidak dapat menggunakan sepatah pun di dalam Bahasa Kebangsaan, bagaimana ia akan diterima untuk mewakil orang yang tertuduh itu di dalam perbicaraan yang berkenaan. Oleh itu, saya berharap Kerajaan harus tegas pada hari ini memberitahu kepada semua peguam di negara kita ini bahawa daripada hari ini ke hadapan segala kes-kes yang dibicarakan di negara kita ini tidak boleh lagi menggunakan peguam-peguam luar negeri ataupun dengan izin, Queen's Counsel **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap bahawa dengan penggunaan ini, kalau boleh, di mahkamah-mahkamah rendah tidak harus dibenarkan langsung menggunakan bahasa Inggeris. Jika dipandang dari segi keadilan tiap-tiap peguam, mana yang tidak

fasih di dalam Bahasa Kebangsaan akan berkata bahawa, sunggubpun kes ini adalah kes yang kecil, beliau tidak mampu untuk berbicara di dalam Bahasa Kebangsaan dan demi keadilan beliau akan meminta kepada Majistret yang berkenaan supaya membicarakan kesnya di dalam bahasa Inggeris. Saya berharap di peringkat perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Majistret ini jangan harus langsung dibenarkan sepele pun perkataan bahasa Inggeris digunakan.

Kita berdukacita pada hari ini bahawa di peringkat peguam-peguam dan di pejabat-pejabat peguam tidak satu pun di dalam surat-menyurat mereka yang menggunakan bahasa Kebangsaan. Jika meminta seorang saksi hadir di mahkamah pun mereka akan menggunakan bahasa Inggeris. Kenapakah ini boleh berlaku. Mungkin ini kita tidak dapat menggunakan kuasa kita untuk meminta, untuk mengarahkan mereka menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan sepenuhnya kerana tanya adalah dijalankan dengan persendirian di pejabat mereka masing-masing. Tetapi jika undang-undang diperkuatkan di mahkamah-mahkamah, kita yakin di Pejabat-pejabat mereka pun akan berlaku demikian. Kita juga, Tuan Yang di-Pertua, harus menyalahkan kadangkala Jabatan Kerajaan juga yang masih ada menggunakan bahasa Inggeris ini, terutamanya Jabatan Hasil Dalam Negeri. Mereka ini juga kadangkala dalam surat-menyurat yang ditulis kepada orang atasan yang agak banyak duit dan berkebendakkan perkara ini diselesaikan, masih menggunakan bahasa Inggeris, dan ada seorang sahabat yang agak bersemangat suka hendak menjawab surat itu dengan Bahasa Kebangsaan dengan mencari kawan yang boleh menterjemahkan apa yang hendak dijawabkan kepada Jabatan yang berkenaan. Inipun harus kita awasi di dalam kita meminta pihak-pihak yang lain supaya dengan sepenuhnya menggunakan Bahasa Kebangsaan ini.

Kita juga harus menjaga diri kita sendiri dan Jabatan-jabatan Kerajaan ini juga dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong pindaan Akta ini. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

5.10 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1967,

Tuan Yang di-Pertua, banyak hujah-hujah telahpun diberikan di dalam Dewan ini mengenai dengan betapa perlunya Bahasa Kebangsaan di dalam kehidupan kita. Saya difahamkan di dalam negara kita siapa pun tidak boleh pertikaikan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah satu bahasa untuk semua rakyat. Dari bahasa inilah kita dapat menyatupadukan segala kaum di dalam negara kita **ini**. Satu-satu negara boleh berbangga, kita tidak boleh katakan saya seorang Malaysian apabila mereka tanya apa bahasa negara tuan. Saya tidak boleh katakan, bahasa Tamil walaupun kulit saya hitam manis [Ketawa]. Saya berbangga di luar negeri ataupun dalam negeri, saya bangga katakan Bahasa Malaysia bahasa saya. Sekiranya siapa-siapa nafikan dia adalah seorang pengkhianat. Itu hakikat harus kita semua terima.

Tuan Yang di-Pertua dahulu masa unur seperti saya, apabila kita gaduh, kita gunakan mungkin bahasa Tamil ataupun bahasa Inggeris. Apabila kanak-kanak saya pada masa sekarang, dia gaduh pun dalam Bahasa Malaysia, dia cakap pun dalam Bahasa Malaysia. Dia fasih, lebih fasih daripada budak-budak Melayu. Ada orang yang di dalam SPM dapat A1 dalam Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia sudah menjadi

hak semua kaum. Kita tidak boleh katakan ini. untuk orang Melayu sahaja. Tetapi maklumlah, kita masih ada mentality orang putih, ada yang katakan Bahasa Malaysia ini di dalam mahkamah tidak boleh digunakan. Kalau orang Jepun boleh gunakan bahasa Jepun di dalam mahkamah, apa salah kita tidak boleh gunakan Bahasa Kebangsaan, saya tidak boleh faham. German boleh jadi ahli sains di dalam bahasa mereka sendiri,. apabila saya pergi ka New Delhi, apabila dia tanya dalam Hindi saya jawab dalam bahasa Inggeris, dia tidak suka, walaupun saya berasal, bukan saya, nenek saya, datuk saya berasal dari saha. Dia tanya saya dalam Hindi juga, seseorang itu mesti berbangga, sebab itu saya beri contoh ini,

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap hal sejarah, saya suka cerita sedikit 'sejarah, banyak perkataan-perkataan -dalam bahasa Tamil dan Bahasa Malaysia ada persamaan. Perkataan -'aniaya' di dalam bahasa Tamil pun kita cakap 'aniaya'. 'Permai', katakan negara kita permai, inipun adalah satu perkataan asal daripada bahasa Tamil dan banyak lagi. Walaupuh di estet-estet seperti Yang Berhormat Puan .Ainon kata ada pencemaran, memang ada. Ada kawan saya di dalam satu estet, dia ini sudah lupa cakap Bahasa Malaysia, dia pandai cakap bahasa-Tamil, sebab 99,9% orang India, 'pi mai pi mai', jumpa dia orang juga **[ketawa]**. Ini adalah satu-satu kita mesti banding apabila kita cakap 'cuti' macam estet-estet pun orang cakap-'cuti' 'juga. Senang perkataan, itu memang di dalam seringkali dia gunakan di dalam pertuturan mereka. "Oleh sebab itu tidak ada pertikaian bahawa - Bahasa Malaysia diwajibkan sebagai Bahasa Kebangsaan untuk semua orang. Bahasa Jiwa Bangsa, cakap sahaja,

Bahasa Jiwa Bangsa. Tetapi katakan, oh, ini 'Bahasa Malaysia kita belajar, kita boleh jadi doktorkah, kita boleh jadi ahli sainskah? Memang boleh, ini adalah satu bahasa seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak, satu bahasa yang berkembang, bukan sahaja digunakan di Malaysia, di rantau Asia Tenggara dan juga di Negeri Ceylon di mana Bahasa Malaysia digunakan seluas-luasnya. Apabila saya pergi ke negara India, saya dengan seorang kawan hendak beli satu barang, tanya dalam bahasa Tamil, dia cakap, "Ini harga lebih." Saya cakap, "Orang ini jahatlah'." Saya cakap dalam Bahasa Malaysia. Tetapi pekedai itu jawab dalam Bahasa Malaysia, dia cakap, "You jangan ingat saya dilahirkan di sini, saya dahulu dilahirkan di Malaysia, datang ke sini." Oleh sebab itu saya tidak mahu Dewan ini sangat tegas.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dikatakan pencemaran, ini kita dapat kawal peringkat demi peringkat. Saya sendiri pun tidak dapat pelajaran di dalam aliran Sekolah Bahasa Kebangsaan. Oleh sebab saya terpaksa, ibu-bapa saya terpaksa dibawa oleh penjajah ke estet, di situ tidak ada Sekolah Kebangsaan, saya belajar melalui aliran bahasa Tamil. Walaupun saya tidak berapa fasih dalam Bahasa Kebangsaan, boleh bertutur ini kerana kita gunakan bahasa ini pada setiap hari mahupun di pejabat dan lain-lain tempat. Tetapi pencemaran itu dapat dikawal kalau Kerajaan mainkan peranan yang penting. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak, bahasa kita harus berkembang tetapi akhbar hari ini kata masih belum mula Darjah I di dalam Bahasa Malaysia. Keputusan KBSR, keputusan Darjah 6, kanak-kanak Sekolah Tamil lebih kurang 90% gagal

dalam Bahasa Malaysia, sedih -sangat. Apa Menteri Pendidikan hendak buat? Gagal "kerana apa, kerana guru Bahasa Malaysia tidak cukup, guru terlatih tidak dihantar. Dihantar guru sandaran, guru sementara, ada guru-guru yang terlatih dihantar pun dia bergaduh dengan guru besar di Sekolah Kebangsaan, dia.orang cari mana tempat mahu .buang dia, dia buang di Sekolah Tamil, 'pi sana' [Ketawa]. Kalau kita. amalkan macam **ini**, macam mana kita boleh mendidik satu golongan kanak-kanak yang fasih dalam Bahasa Malaysia, terpaksa kita sendiri beri dia peluang untuk mencemarkan Bahasa Malaysia.

Oleh sebab itu kita terpaksa kawal pencemaran ini ataupun kanak-kanak ini fasih dalam Bahasa Malaysia, Kementerian Pendidikan harus ambil tindakan yang sewajarnya sekiranya kelas-kelas ini belum dimulakan, mungkin tahun hadapan dapat diatasi masalah ini. Kanak-kanak inilah akan jadi satu harapan bangsa dan negara. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini lebih daripada 40 tahun umurnya, masa kita akan habis di dalam dua abad, tetapi kanak-kanak ini akan jadi warganegara Malaysia, kita kena beri pelajaran, kepimpinan daripada kecilnya. Oleh sebab itu saya menyeru supaya kanak-kanak ini dapat pelajaran aliran sekolah manapun, mahupun di sekolah kebangsaan ataupun sekolah rendah jenis kebangsaan. Guru-guru yang terlatih harus dihantar ke sekolah-sekolah ini kerana di sinilah mereka boleh dapat pelajaran yang teratur di dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini harus diluluskan pada masa sekarang kerana Bahasa Malaysia daripada tahun 1957 hingga sekarang telahpun diwajibkan, cuma di bidang kehakiman masih belum kita wajibkan. Masa sudah sampai kita perlu wajibkan Bahasa Malaysia di dalam kehakiman dan perundangan. Saya difahamkan banyak peguam-peguam di dalam negara kita ini tidak berapa fasih dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya mereka boleh fasih di dalam bahasa Inggeris, apa salahnya mereka tidak boleh belajar satu bahasa yang kita sentiasa gunakan dalam kehidupan harian **ini**. Saya menyeru bahawa peguarn-peguam kita dapat menguasai Bahasa Malaysia dan dapat: digunakan di dalam mahkamah-mahkamah.

Kita adalah satu negara yang telahpun merdeka lebih daripada 32 tahun. Dalam institusi-institusi pelajaran tinggi, bahasa pengantar

adalah Bahasa Malaysia dan di beberapa bidang-bidang pelajaran Bahasa Malaysia sedang digunakan. Mengapa di mahkamah-mahkamah kita masih menggunakan bahasa Inggeris.. Kita adalah warganegara Malaysia. Untuk menterjemahkan perkataan-perkataan Inggeris, kita perlu adakan penterjemah, dan ini adalah tidak berapa baik untuk negara yang telah raerdeka selama 32 tahun. Walaupun ada satu peraturan iaitu untuk mempertahankan keadilan, mereka masih boleh gunakan bahasa Inggeris dengan kebenaran hakim, kalau boleh, perkara ini tidak boleh dilakukan dengan seringkali. Peguam-peguam dalam negara kita perlu menguasai Bahasa Malaysianya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini saya ingin membawa beberapa masalah apa sebabnya bahasa kita dicemarkan ataupun macam mana pencemaran bahasa kita dapat diatasi, Tuan Yang di-Pertua, pada hari Ahad sekiranya kalau ada masa, kita menonton drama Tamil amat sedihnya. Kita katakan negara sudah merdeka 32 tahun, tetapi ,kita bawa satu drama daripada negara India yang bermakna "He is crazy". Kalau kita menonton drama Tamil **ini**, dalam drama ini- orang-orang keturunan India di negara Malaysia tidak boleh faham drama ini kerana banyak perkataan bahasa Inggeris digunakan. Kalau kita pergi ke negara India, mereka suka ataupun mereka berbangga cakap dalam, bahasa Inggeris, mereka belajar ini daripada penjajah dahulu. Saya tidak mahu kebudayaan ini diimport ke negara kita. Kalau boleh RTM hentikan drama-drama seperti yang diimport daripada negara luar yang boleh bawa unsur-unsur yang tidak baik kepada rakyat kita di si,ni.

Untuk mengatasi. pencemaran semua pihak terpaksa main peranan yang penting, bukan sahaja swasta. Yang penting ialah media-media massa elektronik perlu main peranan yang penting untuk memberi

pelajaran dalam Bahasa Malaysia. Apabila saya melawat ke negeri Jepun, di antara program TV di negara Jepun ada satu program untuk memberi pelajaran di dalam bahasa Inggeris. Orang-orang Jepun faham sekarang mereka telahpun tertinggal ke belakang kerana apabila diadakan satu-satu perundingan dengan negara-negara lain, umpamanya mereka tidak boleh faham dalam Bahasa Malaysia, dan mereka mengadakan satu program dalam bahasa Inggeris di TVnya.

Saya berharap di dalam Radio/TV Malaysia ini kalau boleh kita adakan satu program khas bagi penduduk-penduduk luar bandar, khasnya di estet-estet dan kampung-kampung baru. Kalau boleh kita adakan satu program untuk mereka mempelajari Bahasa Malaysia ataupun macam mana boleh mereka dapat mengurangkan pencemaran Bahasa Malaysia **ini**. Kalau kita boleh beri satu jam untuk menerangkan macam mana golf competition diadakan di negara ini, apa salahnya kita tidak boleh beri setengah jam kepada penduduk-penduduk di luar bandar supaya mereka dapat bertutur dengan baiknya dalam Bahasa Malaysia.

Peranan RTM ini, saya sungguh berharap mereka seharusnya mengadakan program seperti **ini**. Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, macam duta-duta luar, foreign embassy, dengan izin, mengadakan kelas-kelas dalam bahasa mereka di kedutaan mereka. Tetapi amat sedih, kedutaan kita di luar negeri tidak menjalankan kelas-kelas seperti ini untuk warganegara-warganegara kita ataupun anak-anak kita yang belajar di luar negeri. Kesalahan ini kita tidak boleh salahkan orang lain, kita salahkan diri sendiri. Kalau Kedutaan Perancis boleh mengadakan kelas dan kebanyakan pemuda-pemuda kita mengikuti kelas itu, apa sebab dalam 32 tahun, kita masih mundurkah, kita masih kurang idea, tidak boleh mengadakan kelas Bahasa Malaysia di Kedutaan-kedutaan seperti di Negara India?

Saya difahamkan pelajar-pelajar kita sudah lebih daripada 20,000, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak ada perhubungan yang baik di antara kedutaan dengan murid-muridnya. Sekiranya Kedutaan kita boleh mengadakan kelas-kelas dalam Bahasa Malaysia, bukan warganegara Malaysia sahaja, warganegara asing pun dapat belajar Bahasa Malaysia kita dan mereka boleh faham dengan dekatnya bahasa kita dan kebudayaan kita. Kalau seorang datang dari luar negeri dengan dalam lingkungan satu minggu, kalau mereka boleh cakap dalam beberapa ayat dalam Bahasa Malaysia, apa salahnya kalau kita adakan kelas yang seperti ini di- luar negeri supaya anak-anak kita yang jauh daripada rumahnya mungkin raereka tidak dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia boleh dapat pelajaran daripada kelas itu. Saya berharap Kementerian Luar Negeri ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk

menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan dahulu, di negara kita tidak siapa pun boleh kata tidak teriraa bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Ini sudah wajib dalam Perlembagaan kita. Ada yang satu dua pihak kalau mereka pertikaikan Bahasa Malaysia ini tidak boleh digunakan di dalam beberapa bidang'seperti kedoktoran, seperti di mahkamah, ini adalah satu fikiran yang kurang sihat dan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kita akan mencatat satu sejarah baru di mana semua bidang di dalam negara kita ini akan dijalankan dengan menggunakan Bahasa Malaysia.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan mesyuarat ini mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3) selama 20 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 5.35 petang,

Persidang disambung semula pada pukul

[Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

5.55 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67).

Tuan Yang di-Pertua, tentang pentingnya, mustahaknya bahasa **ini**, saya tidak hendak mengupasnya kerana kita semua sudah maklum sudah cerah masa depannya, mengapa kita masih hendak bersuluh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara lain, umpamanya di Thailand penduduk-penduduk Cinanya berjumlah kira-kira 5.5 juta orang iaitu kira-kira 10.4% daripada 35 juta penduduk Thailand. Seperti di Malaysia juga, 40% penduduknya adalah terdiri daripada bangsa Tianghua, bangsa Cina. Orang-orang Cina telah bermastautin 4 hingga 5 jenerasi lamanya di Malaysia, di Thailand, Indonesia dan Filipina. Di Malaysia rakyat bukan Melayu telah menyambut baik dan bergerak balas secara positif ke arah dasar integrasi dan asimilasi yang mereka anggap sebagai adil dan wajar bukan sahaja dalam bidang sosio budaya tetapi juga dalam bidang politik dan ekonomi. Orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa di Malaysia dengan rela hati dapat menidentifikasikan diri dengan orang-orang Melayu.

Di Thailand pula orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa dapat menguasai bahasa Thai. Bahasa yang dituturkan di rumah-rumah di

pasar-pasar dan di mana sahaja di negeri itu adalah bahasa Thai. Di Indonesia pula orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa sama juga dapat menyesuaikan bahasa Indonesia dan menguasai bahasa nusantara iaitu bahasa Melayu. Sayang seribu kali sayang, sebahagian besar orang-orang bukan Melayu di Malaysia tidak begitu serius mempelajari dan meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia dewasa ini. Yang boleh bertutur bahasa pun macam segan silu tak mahu hendak menggunakannya.

Dalam bidang politik, orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa kini sudah diberi kuasa dan peluang yang sama seperti orang-orang Melayu kebanyakannya. Golongan terpelajar sudah semakin ramai yang melibatkan diri dalam kegiatan politik dan birokrasi Kerajaan. Sungguhpun kebanyakan mereka masih mengutamakan kegiatan ekonomi seperti halnya di negara-negara yang lain di mana orang-orang bukan Melayu bertumpu, barangkali mereka masih terpengaruh oleh nilai dan sikap nenek moyang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesipulannya, orang-orang bukan Melayu di Malaysia sudah menguasai politik dan sosio ekonomi tetapi mereka memberi banyak helah dan memandang sepi dalam mempelajari dan bertutur dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, kita menerima kenyataan bahawa usaha sedang dijalankan dengan giatnya oleh ketua-ketua parti dalam komponen Barisan Nasional yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menggalakkan ahli-ahlinya dan juga menjalankan majlis-majlis ceramah, majlis-majlis perjumpaan dengan orang ramai dalam Bahasa Malaysia. Ini kita tidak nafikan, tetapi peratusnya masih lagi kecil.

Saya juga berasa hairan baru-baru ini tentang penggunaan bahasa di mahkamah pada hari ini adalah ganjil sedikit.

Tuan Hakim di Mahkamah Sivil di Pulau Pinang baru-baru Ini bertutur dalam Bahasa Kebangsaan dan menyoal juga kepada peguam Melayu dalam Bahasa Malaysia tetapi peguam Melayu itu menjawab dalam bahasa Inggeris. 'Dia ditegur tetapi masih lagi bercakap dalam bahasa Inggeris.' Peristiwa ini adalah benar kerana saya hadir sebagai seorang saksi dan kes perbicaraan sebuah syarikat berhutang sewa kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Ini juga satu sikap yang kurang baik di kalangan orang-orang Melayu. Bila jawatannya itu besar, tinggi, dia Eksekutif, dia ini menyombong. Kita kata, 'act' lah, Kalau tidak dengan bahasa Inggeris, dia pandang dia ini tidaklah layak sebagai seorang Eksekutif, tidak boleh dipandang mulia mungkin kerana dia bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan Bahasa Malaysia adalah diterima oleh semua masyarakat negara ini. Bagaimanapun di akhir-akhir ini terdapat satu macam kecenderungan yang memperlihatkan sikap mengabaikan penggunaan bahasa tersebut secara rasmi mahupun dalam hubungan sehari-hari. Hal tersebut bukanlah kerana kelemahan bahasa itu, lantaran Bahasa Melayu ataupun Bahasa Malaysia adalah bahasa perantaraan di gugusan pulau Melayu yang pasti boleh ditingkatkan. Tetapi di Malaysia, Bahasa Kebangsaan sudah menjadi omokan dan dalam politik yang mana ada- pula pelbagai usaha yang terbuka atau yang senyap untuk menyatukan kegunaannya ataupun menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya di sebalik dasar Kerajaan untuk meluaskan kegunaan Bahasa Kebangsaan di sekitar perniagaan masih terdapat gerakan yang meluas terhadap kegunaan bahasa suku kaum di kalangan ahli-ahli perniagaan tersebut. Yang jelasnya pertumbuhan Bahasa Kebangsaan berlaku di sektor Kerajaan, pun dalam pada itu ada

juga kebiasaan. di kalangan setengah-setengah pihak untuk memajukan bahasa tertentu kerana tabiaat mereka belum berubah.

Oleh yang demikian, sekiranya ada majoriti kaum dalam sesuatu tempat, maka pertuturan yang sering didengar ialah bahasa ibunda masing-masing. Tabiat ini adalah jelas memperlihatkan bahawa kesedaran untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan masih tidak menyeluruh,

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dua kali membangkitkan hal ini dalam Dewan yang mulia ini dan saya merayu kepada semua kaum di Malaysia anggapkanlah Bahasa Kebangsaan ini sebagai bahasa ibunda kita dan bertuturlah kita di rumah ataupun di mana sahaja sesama keluarga kita dalam bahasa ibunda seperti mana yang saya sebutkan tadi di negeri Thai dan Indonesia. Jadi, saya bimbang mungkin kerana saya khuatir mereka ini menganggap ataupun tidak ada, dengan izin, milikan sendiri, jadi dia tidak fikir dia ini seolah-olah betul-betul tulin. Betul-betul rakyat yang tulin, rakyat Malaysia yang tulin yang bila bertutur Bahasa Malaysia ini dia sudah jadi rakyat Malaysia yang tulin. Kalau tidak apa salahnya gunakanlah bahasa ini dengan sepenuhnya dan dengan seluas-luasnya. Jadi, inilah sebabnya kita ini menghadapi banyak masalah.

Jadi, parti-parti kita yang mewakili kaum-kaum yang tertentu juga seharusnya memberi sokongan iaitu anggapkanlah Bahasa Kebangsaan ini ataupun Bahasa Malaysia sebagai satu bahasa yang boleh menggantikan bahasa ibunda kita. Kalaupun ada pemikiran begini, saya fikir kita tidak akan ketinggalan dan taraf kita di sini samalah seperti taraf penduduk yang bermastautin di negeri Thai dan juga Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan

yang meminta semua pegawai tadbir supaya memberi perhatian kepada usaha memajukan Bahasa Kebangsaan. Sekalipun kemajuan Bahasa Kebangsaan itu adalah memerlukan Langkah bersepadu yang mengandungi semua sektor dan lapisan masyarakat tetapi kebiasaan di kalangan pegawai tadbir adalah merupakan penggerak kepada proses tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau semua pegawai tadbir melaksanakan Bahasa Kebangsaan dalam tugas mereka maka tidak dapat tidak ianya akan menjadi ikutan semua masyarakat kita. Kebiasaan ini akan membantu dalam memajukan bahasa tersebut. Mungkin kesannya tidak cepat dilihat dalam masa yang pendek tetapi lama-kelamaan kebiasaan ini akan mengalir ke seluruh masyarakat. Juga pegawai pentadbir dapat membantu pihak swasta yang kita lihat tidak sering menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan mendorong mereka mengutamakan bahasa itu dalam surat-menyurat rasmi kepada sesuatu jabatan. Di sebalik usaha-usaha tersebut Kerajaan juga sepatutnya meneruskan langkah-langkah untuk memastikan bahawa Bahasa Kebangsaan tidak dikecualikan dalam setiap urusan sama ada rasmi ataupun tidak seperti di pihaknya mahupun di pihak swasta. Ada juga jabatan-jabatan Kerajaan sekarang - melayani, menjawab pula surat-surat yang dihantar dalam bahasa Inggeris dan tidak pernah menegur kepada pihak itu. Jika sekiranya dijawab hanya satu, pulangkan balik surat **itu** dalam surat itu sebutkan, "Tolong tulis dalam Bahasa Kebangsaan". Ini tidak, banyak saya bagi contoh di Pulau -Pinang pun serupa. Ada juga beberapa pegawai dalam Majlis Perbandaran, semasa saya jadi Ahli Majlis, mereka melayan surat-surat yang ditulis konon kita ini menolong, membantu pembayar cukai kerana Majlis Perbandaran ini dta hidup dengan cukai sahaja. Kalau tidak ada cukai pintu, dia mati. Minta maaf, saya bercakap

begini. Jadi, dia hendak melayan kononnya 'rate payers', dia pembayar cukai, kita layan **dia**. Bahasa apapun tidak **apa**. Ini pun salah satu kelemahan kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita merasakan bahawa sikap Kerajaan terhadap papan tanda bangunan, kedai dan sebagainya masih dibiarkan mengikut selera individu. Bagaimanakah akan berkesan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sekiranya keadaan ini terus begitu? Saya difahamkan baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat beberapa pindaan dalam Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran di seluruh Malaysia untuk mempamerkan perkataan Bahasa Malaysia itu di papan tanda bangunan, kedai khususnya di sekitar kawasan China Town di Malaysia. Maaf, saya terpaksa kena bercakap di sini kerana ada beberapa kawasan di Pulau Pinang dan juga di pekan besar, kita dapati perkataan yang lainlah lebih besar daripada perkataan Bahasa Malaysia. Sebab itu baru-baru ini di Pulau Pinang ada pihak Hollywood datang buat shooting gambarnya itu di kawasan Cambelly Street dan apakala gambar itu ditayang, dia kata dia ambil shooting itu di Hongkong. Ini faham sahajalah. Jadi, tidak perlu pergi ke Hongkong, dia boleh ambil. Dia boleh 'shooting' gambar itu dan membuat filem itu di situ. Sehingga Pulau Pinang, Malaysia ini bilang. Apabila gambar itu ditayang, dia kata peristiwa 'shooting' itu diambil di Hongkong.

Ini benar, kerana saya hadir dalam perjumpaan sebelum penggambaran itu dibuat, dan juga di kawasan Komtar di mana saya sendiri beri pandangan. sedikit, tetapi dia ini swasta, dia tidak hirau dan Kerajaan kita berasa. Oh! dia orang datang ke tempat kita ini ambil gambar, ambil gambar apa ada makna? Cerita itu dibawa di negeri lain, kononnya diambil gambar itu di negeri lain, keindahan, kecantikan kita itu orang lain dapat nama, ini sudah berlaku di negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita merasakan bahawa sikap Kerajaan terhadap papantanda itu patutlah diambil dengan cara serius dan kita tidak mahu lagi helah-helah mereka ini, kononnya tempat itu pelanggan dia itu susah cari, susah datang dan sebagainya, kalau tanpa dipamerkan dengan hurufnya yang besar tindakan menurunkan papan tanda yang lama itu perlulah dikuatkuasakan. Penguatkuasa kita ada, tentang hendak pergi runtuh rumah orang yang dibina secara haram itu cepat sungguh, yang itu dia cepat. Yang papantanda itu ketara betul bertahun-tahun, saya sudah memperjuangkan hal ini bertahun-tahun tetapi masih lagi tidak ada buat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa orang ramai tentunya akan menghormati peraturan dari Kerajaan mengenai Bahasa Kebangsaan, sekiranya langkah yang dibuat adalah consistant dan berani pula bertindak sekiranya ada yang cuba menyelewengkan dasar itu. Sudahlah sampai masanya pujuk-memujuk itu tidak perlu lagilah, kalau cara kita menegur cara itu sudah jadi dalam Al-Quran yang bermaksud: "Orang yang lemah iman itu kalau boleh kita palu dia dengan taufu",

Minta maaflah saya bercakap ini . Kalau orang yang jahat itu , yang degil ini sudah banyak saya dengar, kalau saya cakap pun saya naik darah juga, preassure dia naik, kalau bercakap fasal DA.P, minta maaf. Itu dia orang yang tidak kenang jasa, orang yang tidak berterima kasih kepada manusia, dia tidak akan terima kasih kepada Tuhan, "**Dia** tidak akan bersyukur kepada Allah" ini dia jenis manusia. Semua bangsa ada agama, sanua penganut agama itu dia ada agama, agama dia mengajar dia bukan ke -jalan yang baik, tidak ada satu Bible atau satu buku Buddhakah, Confuciuskah mengajar dia jadi jahat. Dia tidak tahu yang mana baik, dia tahu yang baik pun dia kata tidak baik, dia tidak tahu menerima kenyataan.

Ini sudah jelas , sudahlah sampai masanya kalau tidak mahu orang politik yang hendak jaga kedudukannya, hendak beri kepada orang lain buat **itu**, maksud saya ini pengkuatkuasalah. Selepas itu bila sudah berlaku sesuatu buat-buatlah pujuk-pujuk, cakaplah baik-baik sedikit, redakan keadaan, tetapi action itu buat dahulu, jangan masa kita hendak ambil tindakan, kita pergi khabar, kita hendak ambil tindakan, tidak jadi. 'Panggil Ketua-ketua konon hendak pujuk, hendak merayu, tidak adalah, sudah ada undang-undang. Jalan terus sahajalah baru kekesanannya itu nampak. Kadang-kadang dia sokong di bibir mulut sahaja, di hati lain, selapas dia sokong dia balik, dia kata aku terpaksa kena bercakap, aku ini dikelilingi orang **dia**, aku tidak cakap itu aku tidak boleh, kedudukan aku kena jaga juga. Yang sebenarnya hampa hendak buat **apa**, hampa buatlah, buat lebih pun tidak apalah, begitulah keadaan panimpin yang ada sekarang. Keikhlasan yang menjadi masalah sekarang.

Jadi memadailah setakat **ini**, Tuan Yang di-Pertua, maka saya menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta

untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Terima kasih.

6.16 ptg.

Dr Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang, untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan satu Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya latarbelakang warisan bahasa Inggeris dan sistem mahkamah daripada England adalah berkaitan dalam masalah Bahasa Kebangsaan yang dipakai dalam mahkamah sekarang **ini**. Kebanyakan ahli-ahli peguam yang mengamalkan profesion mereka di Malaysia ini adalah yang sudah menerima pendidikan perundangan mereka daripada universiti-universiti di England. Oleh kerana itu warisan bahasa Inggeris, warisan sistem mahkamah itu sudah dibawa ke Malaysia yang sudah pun mencapai kemerdekaan selepas tahun 1957, Kebanyakan peguam-peguam yang umurnya lebih daripada 40 tahun adalah dalam golongan ini, dan oleh kerana kebanyakan peguam-peguam mempunyai latarbelakang ini, saya rasa sikap, bantahan, sikap tidak mahu ubah adalah wujud di antara sebahagian daripada peguam-peguam.

Saya berpendapat bahawa sikap ini perlu diubahkan jikalau peguam-peguam itu ingin meneruskan, menjalankan tugas mereka di mahkamah-mahkamah di Malaysia ini yang sudahpun ada satu Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia.

Saya sudah meneliti sikap ini antara orang-orang yang sudah menerima pelajaran mereka daripada England dan juga universiti-universiti di luar negeri. Kalau orang-orang itu sudah pun mencapai unur lebih daripada 40 tahun, saya rasa kita boleh

bersimpati dengan latarbelakang mereka, kerana mereka dahulu barangkali menerima pelajaran sekolah rendah dalam aliran bahasa Inggeris, sekolah menengah juga dalam aliran bahasa Inggeris, bila sampai di London dan sebagainya diapun terima pendidikan perundangannya dalam bahasa Inggeris, bila balik pun menjalankan tugas mereka dalam bahasa Inggeris. Itu adalah kerana latarbelakang pendidikan mereka, tetapi beberapa tahun dahulu saya pun ada perhatikan tingkahlaku sebilangan graduate ataupun lulusan universiti luar negsri yang balik ke Malayisa untuk mengikuti Kursus Sijil Perguruan Lepas Ijazah di sebuah Maktab Perguruan, golongan pelajar—pelajar itu semuanya ataupun sekurang-kurangnya kebanyakan mereka bercakap, bertutur dalam bahasa Inggeris dan memakai ayat-ayat seperti 'I' dengan 'you' dan sebagainya, kebanyakan mereka katakan mereka itu sudah 7 ataupun 8 tahun di England ataupun Amerika Syarikat.

Mereka itu sudah dapati keadaan di Malaysia ini tidak selaras dengan latarbelakang pendidikan mereka di universiti di sana. Sebenarnya mereka itu adalah semua sudah menandatangani satu perjanjian untuk menjalankan tugas mengajar di sekolah-sekolah Malaysia. Mereka diperlukan menjalani latihan perguruan dalam aliran Bahasa Malaysia bila balik ke Malaysia, malangnya kebanyakan mereka itu menunjukkan satu sikap yang negatif terhadap bahasa pengantar iaitu Bahasa Kebangsaan, mereka katakan mereka sudah biasa dengan cakapan, tulisan bahasa Inggeris, sekacang ini mereka dapati mereka sendiri tidak sesuai untuk menjadi guru dalam Bahasa Malaysia dalam sekolah-sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa pengantar.

Kita mesti perhatikan lingkungan umur golongan pelajar yang baru balik dari Amerika ataupun England beberapa tahun dahulu. Mereka itu semuanya ataupun sekurang-kurangnya kebanyakan tidak menjalani pelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Bahasa Malaysia. Tetapi bila mereka sudah menerima pelajarannya di Amerika ataupun di England, sudah dapat Ijazah Pertama dan balik ke Malaysia, mereka selalu suka bercakap dalam bahasa Inggeris pula dan menunjukkan sikap yang negatif terhadap bahasa penghantar Bahasa Malaysia. Mereka itu semua muda, masih didapati mempunyai sikap seperti **itu**, apa lagi kalau kita katakan peguam-peguam yang sudah tua dan sudahpun lama menerima pelajaran mereka semuanya dalam aliran bahasa Inggeris.

Oleh kerana itu, saya ingin katakan bahawa saya bersimpati dengan keadaan peguara-peguam yang tidak menerima pelajaran mereka semuanya dalam bahasa Inggeris. Tetapi apa yang kita mesti tegaskan adalah oleh kerana Bahasa Malaysia tidak dipakai sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini, mereka semua perlulah belajar Bahasa Kebangsaan supaya mereka dapat menjalankan tugas profesion mereka itu dalam bahasa penghantar Bahasa Malaysia dalam mahkamah, supaya mereka boleh mendaulatkan juga penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia.

Saya sendiri dahulu sudah menjalani pendidikan sekolah rendah dalam aliran Cina, daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. 'Bila masuk ke sekolah menengah sahaja, saya mengikuti pelajaran saya dalam bahasa Inggeris kebanyakannya, kecuali dua matapelajaran iaitu

Bahasa Malaysia dan bahasa Tionghua. Akhirnya saya menerima pendidikan universiti saya di Australia. Selepas saya balik saya mengajar di Sekolah Menengah di Kedah dalam Bahasa Malaysia pula. Apa yang saya ingin tegaskan di sini adalah kesudian rakyat Malaysia kita ini untuk menyesuaikan diri dalam penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan kita. Kita mesti sesuaikan diri dalam negara kita **ini**. Kita nampak ada orang yang sudah pindah ke seberang laut, sama ada buat sementara ataupun tetap, mereka itu semua pun sudi belajar bahasa Inggeris ataupun bahasa Perancis supaya dapat menjalankan tugas mereka di sana, mengapa kita tidak boleh sesuaikan diri dalam penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan negara di mana kita berasal negara kita **ini**. [Tepuk]

Oleh sebab itu saya ingin tegaskan, sikap positif iaitu sikap sudi sesuaikan diri adalah penting di antara golongan pemuda-pemudi, belia negara kita ini kerana mereka itu semua akan jadi pemimpin-pemimpin negara kita ini pada masa hadapan. Kalau kita dapati belia negara kita ini yang telah menjalani pendidikan mereka kebanyakannya dalam aliran Bahasa Malaysia, itupun mereka tidak menunjukkan sikap positif, maksudnya ada sesuatu yang tidak betul terhadap sistem pendidikan kita. Pendidikan kita ini tidak memupuk perasaan setia kepada Bahasa Kebangsaan kita. Pelajar-pelajar yang berkelulusan dari universiti seberang laut itu sebenarnya mesti diberitahu bahawa Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Malaysia dan Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan bagi, negara kita **ini**.

Tetapi saya rasa selain daripada apa yang saya katakan terhadap sikap itu, kita semua bersama-sama boleh meninjau masalah penggunaan

bahasa itu daripada beberapa aspek yang lain, iaitu dari aspek kemahiran bahasa dan kemudahan latihan bahasa yang didapati dalam negara kita ini, Seperti rakan saya dahulu ada katakan kemahiran bahasa itu bukan dipunyai oleh semua orang, ada orang yang boleh mahir dalam banyak bahasa, ada orang yang tidak boleh bercakap dalam bahasa ibunda mereka. Tetapi satu perkara yang penting sekali ialah kemahiran itu dapat dilatih. Kita dapati bahawa latihan kemahiran bahasa adalah penting sekali. Kemahiran. itu dapat dilahirkan di dalam sekolah rendah, di dalam sekolah menengah dari juga di dalam universiti-universiti di mana kita ada pusat bahasa dan sebagainya.

Oleh kerana itu saya rasa Kementerian Pendidikan seharusnya mengeluarkan lebih banyak peruntukan untuk meningkatkan kualiti kemudahan yang didapati dalam sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti-universiti supaya dapat memperbaiki lagi latihan penggunaan Bahasa Malaysia untuk pelajar-pelajar dalam semua fakulti, bukan hanya untuk pelajar-pelajar dalam Fakulti Sastera ataupun Sekolah Bahasa Malaysia sahaja. Sebenarnya semua pelajar yang mengambil sebarang matapelajaran dalam institusi pengajian tinggi harus diberi pendidikan dan latihan penggunaan bahasa yang cukup supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan memakai bahasa penghantar itu.

Saya rasa Kementerian Pendidikan boleh juga menolong pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus universiti di luar negeri untuk menguasai penggunaan bahasa yang kini sudah berkembang dan ada juga perubahan-perubahan yang berlaku dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan ini.

Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di seberang laut, contohnya di Australia, di Amerika, di London dan sebagainya seharusnya mengadakan kursus-kursus Bahasa Malaysia, kalau boleh dengan kerjasama universiti-universiti di seberang laut itu di mana barangkali kuliah dan tutorial Bahasa Malaysia boleh diberikan kepada pelajar-pelajar kita yang sedang mengikuti kursus di universiti sana supaya selepas 4-5 tahun di seberang laut, selepas mereka tamat pelajaran Ijazah Pertatna, mereka boleh balik ke negara kita ini dengan pengetahuan penggunaan bahasa yang kemaskini, yang tidak ketinggalan dalam penggunaan bahasa, yang tidak mempunyai alasan bahawa mereka sudah lama tidak dapat peluang bertutur dan menggunakan Bahasa Malaysia sepanjang masa mereka berada di universiti luar negeri itu.

Saya berpendapat peruntukan yang digunakan dalam perkara ini, dalam cara ini adalah berfaedah kepada negara kita ini. Oleh kerana itu, kita mesti memastikan bahawa semua pegawai-pegawai Kerajaan dapat menggunakan Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan kita dengan betul dan dengan berkesan. Saya berasa sedih apabila melawat beberapa pejabat Kerajaan di mana pegawai itu mula bercakap dalam Bahasa Malaysia buat beberapa ayat, selepas itu dia teruskan perbincangan dengan saya dalam bahasa Inggeris, barangkali untuk menunjukkan kelebihan yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan hari esok.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang, hari Khamis, 14hb Disember, 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

